



# پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.12 | ASAR 3.34 | MAGHRIB 6.06 | ISYAK 7.21 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 146

6 DISEMBER 2023 / 1445 جمادی الأول 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"KALAU kamu membela agama Allah, nescaya Allah akan membela kamu untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan pendirian kamu".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Muhammad, ayat 7.

## PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN THAILAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua ahli kerabat diraja, Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra

Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua ahli kerabat diraja, Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin serta kerajaan dan rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara tersebut.

## Bekalkan nilai undang-undang, kemahiran Abad Ke-21



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

TUTONG, Isnin, 4 Disember. - Pergerakan pengakap perlu terus relevan, bukan setakat menumpukan bidang kemahiran asas sahaja, malahan juga perlu melengkapkan ahli-ahli pengakap dengan kemahiran Abad Ke-21 untuk mencapai impak pembangunan modal insan yang berdaya tahan.

Sesuai dengan misi menyumbang dan memacu kemajuan bangsa dan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, pergerakan pengakap perlu turut mendepani pendidikan belia.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia berkenan mengurniakan titah pada Majlis Jambori Pengakap 2023. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



## Berita Utama



PENUKARAN nama Klinik Pesakit Luar, perasmian Taman Terapeutik

Muka 8



GLENÉAGLES JPMC sumbang BND36,000

Muka 9



UNISSA anjur Persidangan AICIF Ke-11

Muka 10



RENCANA

CEGAH HIV, AIDS sebelum terlambat

Muka 21

## Impak pendidikan, ilmu menyulam benang-benang halus mengikat masyarakat dan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim  
 Alhamdulillahirabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-l-Wal Mursalin, Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

**M**ENJUNJUNG ke hadapan majlis Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman;

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, atas limpah kurnia-Nya juga dapatlah kita sama-sama hadir di majlis yang penuh berkat ini, iaitu Majlis Ceramah Perdana, sebagai sebahagian dari acara Majlis Ilmu 2023.

Abis Hamba Tuanku sukacita merafakkan sembah menjunjung kasih di atas limpah kurnia perkenan Tuanku berangkat ke Majlis Ceramah Perdana pada pagi ini. Sesungguhnya, ini membuktikan keprihatinan Tuanku terhadap kepentingan ilmu dan majlis perhimpunan ilmu.

Ada pun acara Ceramah Perdana ini merupakan sebahagian daripada siri kemuncak Majlis Ilmu 2023 yang membawa tema 'Munajat Senegara Dengan Taubat'.

Tema ini merupakan kesinambungan dari Majlis Ilmu sebelum ini yang memfokus kepada aspek kesejahteraan, keamanan dan kesihatan mental.

Objektif Majlis Ilmu 2023 diadakan adalah untuk :

- Meningkatkan kefahaman masyarakat tentang konsep dan kepentingan munajat dengan taubat;
- Mengajak masyarakat untuk mengamalkan munajat dengan secara

istiqamah sebagai langkah menjaga keselamatan keluarga, masyarakat dan negara serta menolak segala musibah;

• Mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi COVID-19 dan melaksanakan *taujih* (yakni bimbingan / arahan / suruhan) baginda;

Manakala maksud tema 'Munajat' dan 'Taubat' itu bolehlah diertikan dalam beberapa cara :

1. Munajat bermaksud zikir dan doa, dengan cara mendampingi dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengharapkan keredaan, hidayah dan pertolongan-Nya.

2. Taubat pula bererti sesal akan dosa (yakni perbuatan jahat dan lain-lain) dan berazam untuk tidak akan mengulanginya.

3. Taubat juga boleh bererti kembali kepada Tuhan dengan meninggalkan segala larangan-Nya dan melaksanakan segala suruhan-Nya.

4. Taubat boleh menjadi sebab tertolaknya bala dan musibah dan menjadi sebab datangnya rahmah dan rezeki dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Ceramah Perdana pada pagi yang mulia ini adalah lanjutan dari perkumpulan ilmu pada hari pertama, Majlis Perasmian, Seminar Majlis Ilmu dan Forum Perdana. Pada Majlis Ceramah Perdana ini khususnya kita berhasrat untuk mendalam lagi kefahaman kita tentang Munajat dan Taubat dengan harapan ia membawa lebih keberkatan dan kebaikan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Dalam kita menghayati peranan ilmu dalam masyarakat, kita terpanggil untuk mengakui kuasa transformatifnya - satu daya yang meluas jauh melampaui sempadan bilik darjah dan dewan kuliah. Pendidikan dan ilmu merupakan pemangkin yang

memercikkan minat intelektual, menyuburkan pemikiran kritis, dan menanam nilai-nilai yang membentuk watak individu. Ilmu berfungsi sebagai batu asas di mana impian dibina dan aspirasi dicapai. Di luar lingkungan individu, impak pendidikan dan ilmu boleh menyinar keluar, menyulam benang-benang halus yang mengikat masyarakat dan negara.

Individu yang berilmu tidak hanya menyumbang secara bermakna kepada tenaga kerja negara tetapi juga terlibat secara aktif dalam kehidupan sehari-hari masyarakat dan boleh memacu perubahan positif. Orang-orang berilmu membentuk asas kukuh masyarakat yang berpengetahuan dan terlibat, yang secara kolektif berusaha untuk kemajuan, persamaan, dan keadilan. Oleh itu, kuasa transformatif ilmu tidak hanya terhad kepada pencapaian peribadi tetapi mencipta kesan gelombang yang menaikkan keseluruhan masyarakat mahupun negara.

Melalui Ceramah Perdana ini kita berpeluang untuk memperoleh ilmu baharu yang boleh menjadi sumber inspirasi untuk semua peserta.

Ke arah itu, dalam Ceramah Perdana ini akan mendengar sebuah ceramah dari Yang Mulia Ustazah Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu, Penolong Kanan Profesor (Fakulti Usuluddin) dan Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang bertajuk 'Munajat Terapi Hati'.

Penolong Profesor Kanan Dr. Hajah Lilly Suzana merupakan seorang pakar penelitian hadis dengan berkelulusan dalam bidang Usuluddin dari Universiti al-Azhar, University of Jordan dan PhD dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ceramah beliau sudah setentunya akan memperkayakan lagi pengetahuan dan perspektif kita semua.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Majlis Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari Keputeran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun pada Isnin, 27 November 2023 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Demikianlah disembahkan. Sebelum Hamba Tuanku menjunjung anugerah berundur diri, sekali lagi menjunjung perkenan bagi hamba Tuanku menyembah sembah junjung kasih ke hadapan majlis Tuanku di atas keberangkatan Tuanku ke Majlis Ceramah Perdana ini dan sama-sama mendengar ceramah yang penuh kebaikan nanti.

Akhirnya, Hamba Tuanku menjunjung perkenan bagi hamba Tuanku menyembah sembah junjung kasih di atas keberangkatan kerabat-kerabat diraja :

>> Muka 9

## WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	JAM DI LAWAL HARI HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	RABU 22	4.42	4.52	6.15	6.40	12.12	3.34	6.06	7.21
7	KHAMIS 23	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
8	JUMAAT 24	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.35	6.07	7.22
9	SABTU 25	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22
10	AHAD 26	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.36	6.08	7.23
11	ISNIN 27	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
12	SELASA 28	4.45	4.55	6.18	6.42	12.15	3.36	6.09	7.24

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C	30 24 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
31 24 °C	31 24 °C	32 25 °C
Wallahualam Bissawab	<a href="http://www.met.gov.bn">www.met.gov.bn</a>	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

## SIDANG PENGARANG

6 DISEMBER 2023

### Pentingnya mengurus masa dengan efektif

**M**ASA adalah komoditi terhad yang apabila digunakan ia tidak boleh ditutup semula. Kita perlu sedar bahawa masa mempunyai sifat terhad. Apabila kita sentiasa ingat akan perkara ini kita akan lebih mahir dalam mengatur masa supaya kehidupan harian kita teratur dan berjalan lancar.

Dalam kesibukan harian, setiap saat adalah bernilai. Oleh itu, kita perlu menghargai masa yang ada dan mengisi masa itu dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat yang akan menjadikan kita produktif. Untuk menjadi individu yang produktif, kita perlu merancang bagaimana kita akan melaksanakan tugas-tugas harian dengan sewajarnya dan menyelitkan juga masa untuk berehat dan beriadah.

Satu aspek penting dalam pengurusan masa melibatkan penentuan objektif yang jelas. Mewujudkan matlamat jangka pendek dan jangka panjang membolehkan kita membahagi masa dengan baik dan dari sana kita akan tahu mana tugas-tugas atau perkara yang perlu dijadikan prioriti dan mana yang boleh diketepikan.

Membiasakan diri untuk menyediakan jadual tugasan harian atau kerja akan sangat membantu kita dalam mengurus masa dengan lebih berkesan. Membahagikan masa kita dalam sehari kepada segmen atau slot yang boleh diurus dan memperuntukkan slot masa tertentu untuk aktiviti yang berbeza berdasarkan kepentingan aktiviti tersebut membantu kita untuk kekal fokus dan mengelakkan penangguhan.

Dalam era digital, banyak alat dan aplikasi tersedia yang boleh kita gunakan untuk membantu kita dalam pengurusan masa. Contoh aplikasi pengurusan masa adalah aplikasi kalender atau aplikasi peringatan ataupun reminders, aplikasi seperti ini boleh membantu menyelaraskan aliran kerja dan meningkatkan kecekapan kita secara keseluruhan. Cara lebih tradisional untuk mengurus masa adalah dengan cara mencatat atau menulis perkara-perkara yang hendak dilakukan atau perlu diingati ke dalam diari.

Mengurus masa dengan berkesan juga memerlukan kita untuk kadang-kadang menolak komitmen yang tidak penting dan belajar untuk mengatakan tidak. Ini adalah penting untuk mengelakkan komitmen yang berlebihan agar kita tidak melalui atau merasakan burn out. Ini adalah juga untuk memastikan tenaga kita dilaburkan dalam aktiviti yang sejajar dengan matlamat peribadi dan profesional. Kadang-kadang juga walaupun kita telah membuat perancangan dengan rapi, keadaan yang tidak dijangka mungkin akan timbul. Di sini kita perlu menanam sifat fleksibel untuk meneruskan perancangan kita tanpa menjelaskan produktiviti keseluruhan.

Bertentangan dengan kepercayaan popular, seorang yang berkebolehan untuk multitask atau berbilang tugas adalah orang yang produktif. Akan tetapi, kenyataannya adalah apabila kita terlalu banyak berbilang tugas, hasil kerja atau kualiti kerja akan menurun. Memberi tumpuan kepada satu tugas pada satu masa bukan sahaja meningkatkan kualiti kerja tetapi juga mengurangkan kemungkinan kesilapan dan kelewatan. - Ketua Penyuntingan (Nr)

# Berkenan berangkat ke Majlis Jambori Pengakap 2023



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,  
Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TUTONG**, Isnin, 4 Disember. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara

Brunei Darussalam (PPNBD) dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia bercemar duli ke Majlis Jambori Pengakap 2023 mencerminkan keprihatinan baginda terhadap penglibatan golongan muda dalam pasukan beruniform khususnya pergerakan berpengakap di negara ini.

Berangkat sama ke majlis yang



diadakan di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong, di sini ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Pengakap PPNBD; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

**BACAAN** Surah Al-Fatiyah, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka Tutong 2020, Awang Muhammad Aqil Arfan bin Arjune (kiri sekali), manakala gambar kiri, Persetiaan Pengakap dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka 1033, Awang Adam Rusydan bin Haji Ramli.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia berkenan berangkat ke Majlis Jambori Pengakap 2023 (atas). Manakala gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri dan Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas.

Sejurus keberangkatan baginda, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah

Peliharakan Sultan' dimainkan. Seterusnya bacaan Surah Al-Fatiyah, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka Tutong 2020, Awang Muhammad Aqil Arfan bin Arjune. Seterusnya, Persetiaan Pengakap dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka 1033, Awang Adam Rusydan bin Haji Ramli dan disusuli dengan sembah alu-aluan daripada Yang Dipertua PPNBD.

>> Muka 4

## Jadi contoh baik kepada generasi muda

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**TUTONG**, Isnin, 4 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah penuh berharap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) tidak akan berhenti dari terus berusaha menyediakan program-program yang berguna untuk survivaliti negara, dengan mengambil kira keperluan-keperluan mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah

berharap, para pengakap akan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip dan nilai-nilai murni berpengakap, untuk menjadi contoh yang baik kepada generasi muda.

Terdahulu, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai sebuah NGO tertua, pergerakan pengakap di negara ini telah ditubuhkan pada tahun 1933 dan telah mencapai 90 tahun penubuhannya.

"Ini menggambarkan PPNBD telah banyak mengharungi pelbagai pengalaman dan perkembangan. Ia juga terus berusaha untuk kekal relevan dengan menyediakan program-program pembangunan untuk generasi muda di negara ini," titah baginda semasa Majlis

Jambori Pengakap 2023 berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong, di sini.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, PPNBD tidak ketinggalan melibatkan diri bagi kerja-kerja kemasyarakatan dan kebajikan dan baginda bertitah mengambil maklum bahawa PPNBD juga telah sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk membantu negara mendepani COVID-19 dengan memberikan khidmat kemasyarakatan yang sangat diperlukan.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah berbesar hati tidak lupa melahirkan penghargaan kepada PPNBD yang telah mengundang baginda, serta bertitah merakamkan ucapan tahniah yang hangat kepada seluruh anggota yang menjayakan Jambori berkenaan.

## BEKALKAN NILAI UNDANG-UNDANG, KEMAHIRAN ABAD KE-21

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

>> Muka 1

"Kerana belia adalah aset berharga yang penuh potensi untuk pembangunan. Mereka perlu dididik dan dilatih melalui satu kaedah yang sesuai dengan minat dan perkembangan mereka," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Jambori Pengakap 2023 berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong, di sini.

Menurut titah baginda, tujuan pokok mereka dididik dan dilatih ialah supaya mereka mempunyai jati diri yang kukuh dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan semasa yang pelbagai.

Menyentuh mengenai tema Jambori : 'Scouts on The Move', Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, ia mencerminkan para pengakap yang sentiasa aktif dan bersedia menghadapi cabaran, dengan berbekalkan nilai undang-undang dan kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 sebagai skills set yang perlu dipelajari dan dimiliki.

"Jika ada ini, maka pengakap kita adalah jentera perubahan dan perkembangan masa depan tanpa sempadan," titah baginda.



## &gt;&gt; Muka 3

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah dan seterusnya berkenan

merasmikan Jambori Nasional Ke-5.

Baginda dan kerabat diraja berkenan menyaksikan tayangan klip video perasmian dan satu Persembahan Nyanyian Koir 'Scout on the move'. Selepas itu,



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Jambori Pengakap 2023. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (kiri dan atas).

baginda berserta kerabat diraja berkenan menyaksikan Persembahan Padang yang merupakan gabungan Persembahan Medley bermula dengan kesediaan pengakap menampilkan seni bina diri daripada kanak-kanak Tunas berumur 12 tahun kebawah, Persembahan Semaphore dan Persembahan Tarian 7 Puak Brunei.

Seterusnya, baginda dijunjung bagi menyempurnakan penganugerahan Bintang-

bintang Tertinggi Pengakap kepada pemimpin-pemimpin pengakap iaitu Anugerah Bintang Rakis, Anugerah Bintang Jasa Cemerlang Kelas Kedua dan Pingat Anugerah Persahabatan Antarabangsa Brunei.

Seramai empat penerima Anugerah Bintang Rakis yang merupakan Anugerah Bintang Tertinggi PPNBD yang dianugerahkan kepada ahli persekutuan pengakap, pemimpin-pemimpin pengakap dan individu-individu yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang serta terlibat secara langsung dengan pergerakan pengakap di negara ini dalam

tempoh tujuh tahun secara berterusan atau secara kumulatif.

Sementara itu, dua penerima Anugerah Bintang Jasa Cemerlang Kelas Kedua. Anugerah ini dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin pengakap, individu-individu yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang serta terlibat secara langsung dengan pergerakan pengakap di negara ini dalam tempoh lima tahun secara berterusan atau secara kumulatif.

## &gt;&gt; Muka 5



**JAMBORI** Nasional Ke-5 berkenaan diserikan dengan Persembahan Nyanyian Koir 'Scout on the move' serta Persembahan Padang kesediaan pengakap menampilkan seni bina diri daripada kanak-kanak Tunas berumur 12 tahun kebawah, Persembahan Semaphore dan Persembahan Tarian 7 Puak Brunei (atas, bawah kiri sekali, bawah tengah dan bawah kanan), Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada acara tersebut.





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penganugerahan Bintang-bintang Tertinggi Pengakap kepada pemimpin-pemimpin pengakap (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

#### >> Muka 4

Manakala seramai enam penerima Pingat Anugerah Persahabatan Antarabangsa Brunei yang terdiri daripada

pemimpin-pemimpin pengakap luar negara yang memberikan perkhidmatan cemerlang dalam perhubungan persahabatan dengan PPNBD serta terlibat secara langsung dengan



perkembangan pergerakan pengakap di negara ini. Setelah itu, baginda dijunjung menerima pesambahan.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung berkenan bagi sesi bergambar ramai. Baginda kemudiannya dijunjung untuk menyaksikan pameran-pameran daripada agensi-agensi yang terlibat di dalam Jambori tersebut antaranya Sekretariat SDGs; Jabatan Pendidikan Kokurikulum; STEPS; Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC); Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Muzium-muzium; Pusat Sejarah Brunei; Dewan Bahasa dan Pustaka; MOP dan Pengumpul Klab Pengakap.

Kemudian baginda berserta kerabat diraja dijunjung untuk

bercemar duli ke tapak perkhemahan dan seterusnya melawat aktiviti yang diadakan di kawasan berkenaan. Terdahulu, baginda dan kerabat diraja dipersembahkan mengenai aktiviti-aktiviti sepanjang Jambori.

Baginda seterusnya dijunjung bagi menanam sepohon Pokok Tulong dan diikuti oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di hadapan pintu gerbang utama perkhemahan tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dan kerabat diraja dijunjung melawat ke sub-sub kem peserta perkhemahan tersebut.

Pergerakan pengakap di negara ini mula ditubuhkan pada tahun 1933 oleh Allahyarham Dato Paduka Awang Haji Marsal

bin Maun dengan keramaian ahlinya pada peringkat awal seramai 12 orang. Sebagai salah sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang tertua, pergerakan pengakap di Brunei terus berkembang apabila pergerakan ini menubuhkan cawangannya di Daerah Tutong pada tahun 1936 manakala pada tahun 1940, Daerah Belait pula mengikuti jejak Daerah Tutong sementara di Daerah Temburong hanya dikenal pasti penubuhannya bermula pada tahun 1974.

Sejak mula ditubuhkan dalam tahun 1933, pergerakan Pengakap Brunei Darussalam melangkah setapak demi setapak mengikuti arus dan perkembangan pergerakan pengakap seluruh dunia sama ada pada peringkat serantau maupun antarabangsa. Berdasarkan perjalanan pergerakan pengakap yang telah mencapai usianya 90 tahun, berbagai-bagai kejayaan dan kecemerlangan telah dicapai oleh PPNBD hasil daripada bimbingan kepimpinan yang terdahulu.

Sementara itu, 'Scouts on The Move' merupakan tema perkhemahan dan juga tema sambutan 90 tahun pergerakan ini selama setahun. Tema ini adalah terjemahan yang menggambarkan para pengakap untuk sentiasa aktif dan bersedia mara ke hadapan dengan berbekalkan nilai yang terkandung dalam persetiaan dan undang-undang pengakap. Kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 dijadikan sebagai skills set yang perlu dipelajari dan digarap oleh ahli pengakap untuk kekal relevan pada masa hadapan.

#### >> Muka 6



**KEBAWAH** DYMM ketika berangkat ke Majlis Jambori Pengakap 2023 (atas).



**KEBAWAH** DYMM dijunjung untuk menyaksikan pameran-pameran daripada agensi-agensi yang terlibat (kanan), manakala gambar kanan sekali, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai pada Majlis Jambori Pengakap 2023 tersebut.

#### >> Mukah 5

Jambori Nasional Ke-5 merupakan acara kemuncak Sambutan Pergerakan Pengakap pada Tahun 2023 yang bermula dari 2 Disember 2023 hingga 7 Disember 2023. Rasional Penganjuran Jambori Ke-5 adalah bagi Memperingati 90 Tahun Pergerakan Pengakap di negara ini dengan mengumpulkan ahli-ahli pengakap yang menjurus kepada peningkatan visibiliti PPNUBD melalui kegiatan Jambori. Antara tujuan Jambori ini

dianjurkan iaitu bagi meningkatkan dan menggalakkan interaksi dalam kalangan pengakap dan memupuk dan menyemai persahabatan dan kerjasama dalam kalangan pengakap. Jambori ini adalah merupakan kegiatan perkhemahan yang dihasilkan mengumpulkan ahli-ahli pengakap dari dalam dan luar negeri. Jambori ini dianjurkan di Daerah Tutong kerana daerah ini merupakan tempat pertama diadakan Perkhemahan Pengakap Senegeri pada tahun 1933. Bagi mengenang

kembali nostalgia berkenaan, pada tahun 2023 Daerah Tutong dijadikan tempat berlangsungnya Jambori Nasional Ke-5.

Sebanyak 800 peserta dari dalam dan luar negara menghadiri Jambori ini. Antara peserta pengakap dari luar negara yang menghadiri Jambori ialah Malaysia (Selangor, Sabah,

Sarawak, Pulau Pinang, Labuan, Johor dan Wilayah Republik Indonesia dan Kuala Lumpur), Singapura, Republik Thailand.

#### >> Mukah 7



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda berkenan beramah mesra bersama ahli pengakap yang menyertai Jambori berkenaan.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia dijunjung menyaksikan pameran-pameran daripada agensi-agensi yang terlibat di dalam Jambori tersebut (atas dan atas kanan).



PADUKA-PADUKA anakanda baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyaksikan pameran (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan meninjau ke tapak perkhemahan dan seterusnya melawat aktiviti-aktiviti yang diadakan di kawasan berkenaan (atas, bawah kiri, bawah kiri sekali dan bawah kanan). Manakala gambar kanan, baginda berkenan menanam seohon Pokok Tulong di hadapan pintu gerbang utama perkhemahan tersebut.



#### >> Muka 6

PPNBD telah pun menyusun pelbagai kegiatan-kegiatan yang dapat menjadi daya tarikan bagi peserta yang terdiri daripada Ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda dan Pengakap Remaja di sepanjang Jambori tersebut. Aktiviti yang dirancang meliputi enam tema utama di antaranya Kemahiran Kepengakapan; Kebudayaan dan Permainan;

Sustainable Development Goals; Lawatan; Keagamaan dan Kegiatan Rutin; dan Kegiatan Air. Kegiatan bagi Ahli Pengakap Dewasa juga turut dirancang seperti Perjumpaan Pemegang Manikayu dan Indaba. Aktiviti tersebut diharap dapat memberikan pengalaman yang berharga kepada peserta dalam dan luar negara nanti agar ia menjadi ristaan. Semasa Jambori berkenaan juga diadakan pameran-pameran daripada agensi kerajaan, swasta dan juga NGOs dalam sama-sama memeriahkan Jambori Nasional Ke-5.



YANG Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas dalam sembah alu-aluannya.

**TUTONG**, Isnin, 4 Disember. - Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mencapai usia 90 tahun. Di sepanjang tahun ini, persatuan tersebut telah mengadakan berbagai-acara dan aktiviti perayaan dan kini kita telah sampai ke penghujung tahun dan mengadakan Jambori Nasional

# Pergerakan pengakap sentiasa bergerak aktif, maju ke hadapan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,  
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Ke-5 Brunei Darussalam, sebagai acara kemuncak Sambutan Perayaan Usia 90 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam.

Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas berucap dalam sembah alu-aluannya semasa Majlis Jambori Pengakap 2023 yang berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong, di sini.

PPNBD sembahnya, telah berusaha dengan gigih untuk menjadi persekutuan yang boleh bertahan (*sustainable*) dan

relevan dalam menghadapi cabaran-cabaran perubahan zaman dan kemahiran Abad Ke-21. Itu akan memberi sumbangan belia pengakap kepada kemajuan bangsa dan negara untuk masa depan.

Yang Dipertua PPNBD juga menyembahkan, dalam usia pergerakan 90 Tahun PPNBD telah mencapai kejayaan di dalam pelbagai bidang di dalam negeri dan dunia antarabangsa PPNBD telah diterima menjadi Ahli World Organisation of Scout Movement (WOSM), Asia Pacific Region (APR), ASEAN Scout Association

Regional Cooperation (ASARC). "Alhamdulillah PPNBD juga telah dapat membangun bangunannya sendiri dan menujuhkan Yayasan Pengakap dalam mentadbir keusahawanan dan kewangan untuk pentadbiran yang baik dan *sustainable*," sembah Yang Dipertua PPNBD.

Di samping itu, Yang Dipertua PPNBD turut menyembahkan mengenai tema Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam adalah 'Scout On The Move' yang bererti pergerakan pengakap kita sentiasa bergerak aktif dan terus maju ke hadapan mengikut perkembangan dunia semasa.

Menyentuh mengenai keramaian peserta sembahnya, peserta tempatan dari

keempat-empat daerah ialah 400 orang dan peserta luar negeri seramai 500 orang dari negara-negara jiran Indonesia, Malaysia, Thailand dan Singapura. Menurutnya, mereka akan menjalani kegiatan-kegiatan seperti Kemahiran Kepengakapan; Sustainable Development Goals; Keugamaan dan Rutin; Kebudayaan dan Permainan; dan Lawatan-lawatan ke Tempat-tempat yang Menarik dan Kegiatan Air.

Dalam sembah Yang Dipertua PPNBD berharap Jambori Nasional Ke-5 ini akan memberi suatu pengalaman yang berguna dan bermanfaat untuk semua peserta.

# NBD hadiri ONOMM Ke-36



**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Disember. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri OPEC dan Bukan OPEC Ke-36 (36th ONOMM) secara maya yang berlangsung pada 30 November

yang lalu.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah; Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Paduka Haji Talib dan Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Haji Asrul Adrain

bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh His Royal Highness Prince Abdulaziz bin Salman Al-Saud, Menteri Tenaga Kerajaan Arab Saudi dan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Alexander Valentinovich Novak dengan kehadiran Menteri Perlombongan dan Hidrokarbon Republik Guinea Khatulistiwa, Tuan Yang Terutama

Antonio Oburu Ondo sebagai Presiden Persidangan OPEC 2023.

Pada mesyuarat tersebut, negara-negara peserta ONOMM dalam Pengisytiharan Kerjasama (DoC) menyokong cadangan yang dicadangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bersama Menteri Ke-51 (JMMC Ke-51) yang diadakan sebelum ONOMM Ke-36.

DoC antara OPEC dan Negara Pengeluar Minyak Bukan OPEC

telah dimulakan pada 10 Disember 2016, mengiktiraf keperluan

kerjasama bersama negara pengekspor minyak untuk mencapai kestabilan yang berkekalan dalam pasaran minyak demi kepentingan pengeluar dan pengguna minyak.

Dalam suasana semasa, mesyuarat menteri akan diadakan setiap enam bulan dan mesyuarat seterusnya (ONOMM Ke-37) akan dijadualkan diadakan pada 1 Jun 2024 di Vienna, Austria.

## PENUKARAN NAMA KLINIK PESAKIT LUAR, PERASMIAN TAMAN TERAPEUTIK

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**KIARONG**, Selasa, 5 Disember. - Kementerian Kesihatan hari ini mengadakan Majlis Penukaran Nama Klinik Pesakit Luar dan Perasmian Taman Terapeutik bertempat di Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Kesukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Pengiran Dr. Fariza Suryani binti Pengiran

Dato Paduka Haji Sani.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengiran Dr. Fariza menegaskan betapa pentingnya usaha-usaha memerangi stigma yang termasuk perasaan malu yang dialami oleh mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental serta perasaan negatif masyarakat terhadap mereka. Untuk membantu usaha-usaha mengatasi stigma, Klinik Pesakit Luar dan Taman Terapeutik yang bersebelahan dengannya dirasmikan dengan nama baharu iaitu Klinik dan Taman Terapeutik As-Syafii, yang membawa maksud 'penyembuh' dan diharapkan untuk meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap

perkhidmatan kesihatan mental.

Menurut beliau lagi, sama seperti penyakit fizikal, penyakit keceluhan mental juga boleh dirawat menggunakan pendekatan holistik, yang merangkumi aspek rawatan biologikal, psikologi, sosial dan kerohanian.

Majlis seterusnya disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan merasmikan pembukaan Klinik As-Syafii dan penanaman sebuah pokok di Taman Terapeutik baru.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menyampaikan sijil penghargaan kepada syarikat-syarikat dan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam yang telah memberikan sumbangan bagi projek pembinaan taman dan

perkhidmatan kesihatan mental. Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyempurnakan Majlis Penukaran Nama Klinik Pesakit Luar dan Perasmian Taman Terapeutik bertempat di Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

pengubahsuai Klinik Pesakit Luar Psikiatri. Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya melawat kemudahan di klinik tersebut dan menandatangani plak perasmian serta menanam pokok di taman berkenaan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumtin; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap

(Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menanam sebuah pokok di Taman Terapeutik baharu tersebut (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan jemputan-jemputan khas bergambar ramai pada majlis tersebut.



# GLENNEAGLES JPMC SUMBANG BND36,000



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Disember. - Sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), Gleneagles JPMC hari ini menyumbangkan sejumlah BND36,000 kepada tiga buah Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negara ini.

Daripada jumlah berkenaan, setiap NGO masing-masing menerima BND12,000 terdiri daripada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, An-Nur Harapan dan SMARTER Brunei.

Mewakili Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bagi menerima sumbangan tersebut ialah Pemegang Amanah

Eksekutif dan Operasi Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dina Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin manakala An-Nur Harapan diwakili oleh Pengurus Besar An-Nur Harapan, Melline binti Haji Jaini dan menerima untuk SMARTER Brunei ialah Presidennya, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Bercakap pada majlis itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay menekankan kepentingan perkongsian tersebut.

"Sumbangan ini mewakili komitmen kami terhadap kerjasama, pembelajaran dan



perkongsian pengalaman dengan organisasi yang mengagumkan ini. Kami teruja untuk melibatkan diri secara aktif dan memahami cabaran yang dihadapi oleh NGO ini untuk bekerjasama ke arah mengatasinya," ujar Dr. Peter Tay.

Mengakui peranan penting yang dimainkan oleh NGO dalam memacu kemajuan sosial, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pusat Ehsan, An-Nur Harapan dan SMARTER Brunei atas usaha gigih mereka.

Organisasi-organisasi ini diiktiraf sebagai 'beacons of hope' dalam memperjuangkan

**MAJLIS** Penyerahan Sumbangan berkenaan yang diadakan di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel di ibu negara disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri sekali), manakala gambar kiri, Yang Berhormat semasa hadir pada majlis berkenaan.

perkara-perkara penting yang tidak mampu bersuaran.

Dengan penyerahan sumbangan berkenaan, ia bukan sahaja sebagai sokongan kewangan, bahkan mencerminkan komitmen yang mendalam terhadap perkongsian dan usaha kolaboratif bersama organisasi-organisasi berkeaan.

Gleneagles JPMC percaya atas kuasa tindakan kolektif dan akan terus menzahirkan dedikasinya untuk menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dan jemputan khas juga menyaksikan mini pameran oleh tiga NGO berkenaan yang memperkenalkan dan berkongsi hasil kerja mereka, kemajuan projek, serta pencapaian mereka.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun.

Hari Sukarelawan Antarabangsa dilihat sebagai peluang unik untuk sukarelawan dan organisasi meraikan usaha mereka, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada keamanan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dalam program pembangunan.

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan mengadakan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023

yang bertemakan 'Is Everyone Did' Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya.

Bersempena dengan sambutan tersebut, KKBS mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohammad.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan pegawai-pegawai kanan di KKBS; Persatuan dan Pergerakan Belia;

## Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023

Belia-Belia Masjid; Alumni Program-Program Kebangsaan dan Antarabangsa; Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023; dan individu belia serta orang ramai.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, diikuti dengan Selawat Tafrijiyah dipimpin oleh Awangku Muhammad Rafiuddin bin Pengiran Ramle dan diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Nasyith bin Superi.

Majlis dilanjutkan dengan bacaan Doa Kesukuran, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, doa untuk kesejahteraan dan keselamatan rakyat Palestin dan

Doa Menghindari Wabak COVID-19 yang dipimpin oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiuddin bin Jemain.

Majlis tersebut diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah.

Antara perisian Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah Majlis Doa Kesukuran yang akan diadakan pada hari ini, Selasa 5 Disember 2023 diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri; Festival Hari Sukarelawan yang akan diadakan bermula 6 hingga 10 Disember 2023 bertempat Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas.

Majlis Pelancaran Kempen Hari Bertindak (DOA) dan Penghargaan yang akan diadakan pada Ahad, 10 Disember 2023; dan juga Maraton Aktiviti Sukarelawan yang bermula pada 20 November 2023 dan akan berakhir pada 31 Januari 2024.

Kempen Hari Bertindak pada tahun ini mempunyai sembilan

kluster program iaitu Hak Asasi Haiwan; Seni dan Budaya; Masyarakat; Bencana Alam; Pendidikan; Inisiatif Hijau; Keusahawanan Sosial; Kerohanian dan Keugamaan; dan Pembangunan Belia.

Lebih 100 aktiviti disusun setakat ini bagi Kempen Hari Bertindak 2023 seluruh negara, dengan melibatkan lebih daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, persatuan / pergerakan belia, Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), Majlis Perundungan kampung (MPK) dan sekolah-sekolah.

Pendaftaran bagi menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak ini telah pun dibuka bermula 25 September 2023 hingga 16 Januari 2024.

Sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak boleh diperoleh melalui aplikasi Mengalinga serta Instagram @jbs.bn dan @dayofaction.brunei.

## HALUAN

### Impak pendidikan, ilmu menyulam benang-benang halus mengikat masyarakat dan negara

#### >> Muka 2

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; dan
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Ucapan penghargaan dan junjung kasih dan terima kasih juga di atas keberangkatan dan kehadiran :

- Isteri-isteri Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet;
- Isteri-isteri Timbalan-timbalan Menteri;
- Para Tetamu-tetamu Khas; dan
- Para hadirin-hadirat yang berbahagia sekalian.

Tidak lupa juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kesemua ahli yang telah bekerja keras untuk menjayakan Ceramah Perdana Ilmu 2023 ini.

Semoga kita berjumpa lagi pada Majlis Ilmu seterusnya, InsyaaAllah. Kaola / saya berdoa semoga mudah-mudahan ilmu yang dikongsikan dalam persidangan ini akan menjadi amal kebajikan untuk semua.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Tuanku, dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun jika ada terdapat suruk langkah di dalam majlis pada hari ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Hamba Tuanku menjunjung anugeraha.



TAZKIRAH disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Nasyith bin Superi.

# GALAK PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM AKTIVITI KESUKARELAWANAN

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 5 Disember. - Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa pada tahun ini mengiktiraf kekuatan tindakan yang dilaksana secara kolektif melalui tema 'Andai Semua Orang Melakukannya' - If Everyone Did.

Tema pada tahun ini memfokuskan kepada usaha-usaha serta tindakan secara kolektif oleh semua lapisan masyarakat. Tema ini adalah bertepatan dengan inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Kempen Hari Bertindak yang diungkayahkan oleh kementerian ini dan ia merupakan maraton kerja-kerja sukarelawan sempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa.

Perkara ini antara yang digariskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023.

Jelas Yang Berhormat, dalam hal ini, bagi meningkatkan kesedaran berkaitan budaya kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat Brunei terutamanya kepada golongan belia, KKBS telah mewujudkan Kempen Hari Bertindak atau lebih dikenali sebagai Day of Action (DoA) bagi memberi kesedaran dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam program / aktiviti kesukarelawanan dan

kemanusiaan melibatkan semua lapisan masyarakat dari kalangan masyarakat Brunei.

"Kempen Hari Bertindak mula dilaksanakan pada tahun 2016 sebagai salah satu inisiatif Negara Brunei Darussalam dalam meraikan serta menyemarakkan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa.

"Sehingga tahun 2022, kempen ini telah berjaya menghimpunkan lebih 3,000 orang sukarelawan melalui pelaksanaan lebih 200 aktiviti," ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tema 'Andai Semua Orang Melakukannya' - If Everyone Did dilihat bukan hanya sekadar tema semata-mata tetapi menurutnya ia merupakan seruan kepada semua lapisan masyarakat untuk mula memainkan peranan masing-masing.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru marilah kita sama-sama mempertingkatkan semangat menyumbang kepada masyarakat dengan menghulurkan bantuan, meluangkan masa serta tenaga dengan semangat memberi dan tidak mengharapkan balasan.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat lagi tema pada tahun ini turut memperlihatkan budaya kesiapsiagaan dan sikap pemedulian dalam kalangan masyarakat Brunei dengan melibatkan kerjasama sepadu semua agensi termasuk pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), orang-orang

perseorangan serta golongan Orang Kelainan Upaya.

Terdahulu, Yang Berhormat melahirkan segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya juga kita dapat sama-sama meraikan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa pada tahun ini dalam suasana yang aman dan damai.

Pada kesempatan ini, Yang Berhormat ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih serta penghargaan buat seluruh sukarelawan yang telah sama-sama menyingsing lengan baju serta menyumbangkan waktu dalam menghulurkan kerahan tenaga kepada apa jua aktiviti dan program baik yang kecil mahupun yang besar tanpa mengharap balasan serta imbalan.

"Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa diraikan pada setiap 5 Disember merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1985 dan ia diraikan oleh Negara Brunei Darussalam dan negara-negara Ahli PBB.

"Ia adalah hari di mana segala usaha serta sumbangan para sukarelawan diiktiraf di samping mempromosi semangat sukarela serta meningkatkan kesedaran khidmat sukarelawan dalam semua lapisan masyarakat baik di dalam atau di luar negara," ujarnya.

Pada tahun 2022, menurut Yang Berhormat, United Nation Volunteer (UNV) telah melaporkan sebanyak 12,408 sukarelawan telah dikerahkan di seluruh dunia melalui tiga tonggak di bawah PBB iaitu Pembangunan; Keamanan

dan Keselamatan; dan Hak Asasi Manusia. Statistik daripada UNV juga menunjukkan Asia dan Rantau Pasifik berada di kedudukan keempat dengan seramai 1,843 orang sukarelawan dikerahkan.

Yang Berhormat dalam perutusannya seterusnya menyatakan COVID-19 telah membuktikan kepada kita semua bahawa sukarelawan ialah perawatnya yang setia; yang menantang kita ibarat sebuah keluarga, tanpa jemu dan leka. Dalam mengharungi episod duka ini, keringat sukarelawan barisan hadapanlah yang telah sama-sama membantu semua agensi terutama dalam memastikan COVID-19 tidak menular.

Oleh yang demikian, sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa pada tahun ini, Yang Berhormat ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua sukarelawan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan apa jua aktiviti atau program sukarelawan.

Tahun ini merupakan pelaksanaan kali kelapan bagi Kempen Hari Bertindak. Sambutan pada tahun ini juga diadakan serentak di seluruh negara dengan pelbagai aktiviti seperti Gotong Royong; Pemuliharan Alam Sekitar; Kesedaran Sukarelawan dan Kemasyarakatan.

Yang Berhormat sukcita ingin mengongsikan bahawa sebanyak lebih 40 aktiviti telah pun dilaksanakan pada bulan November dan awal Disember yang lalu.

"Alhamdulillah pada tahun ini sebanyak 95 aktiviti sukarelawan



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023.**

telah didaftarkan di bawah Kempen Hari Bertindak.

"Di samping itu, pada tahun ini juga KKBS melalui Persatuan Bulan Sabit Merah turut mengal-alkan kehadiran sembilan orang sukarelawan daripada negara-negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Program Sukarelawan ASEAN yang bertemakan 'SUKARELAWAN ASEAN : Pengurangan dan Kesedaran Risiko Bencana Berasaskan Komuniti' (ASEAN VOLUNTEERS : Community Based Disaster Risk Reduction and Preparedness),"

Bagi mengakhiri perutusan, Yang Berhormat berharap semoga dengan pelaksanaan program dan aktiviti kesukarelawanan seperti ini dapat menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat Brunei dan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023.

## UNISSA anjur Persidangan AICIF Ke-11



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 5 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) selaku penganjur utama bersama-sama dengan enam universiti ASEAN lainnya telah mengadakan Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti ASEAN dalam Kewangan Islam (AICIF) Ke-11 yang berlangsung pada 5 dan 6 Disember 2023 yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Penganjur utama AICIF Ke-11 tahun ini ialah UNISSA melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dan dianjurkan bersama Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IiBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta,

Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA), Universitas Darussalam Gontor (UNIDA) dan Mindanao State University Philippines.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal; pegawai-pegawai Utama UNISSA; wakil-wakil dari universiti ASEAN; para pembentang dan peserta persidangan dari dalam dan luar negara.

Dalam ucapan Timbalan Menteri

Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi menekankan keperluan untuk mempelajari daripada apa yang telah kita alami semasa krisis kewangan yang lalu dan wabak baru-baru ini yang mengganggu di mana Kewangan Islam terus berusaha untuk menerajuinya dalam keadaan yang berbeza.

Peranan tanggungjawab sosial telah mengambil pendiriannya dengan agak ketara. Diharapkan lagi bahawa Kewangan Islam kekal teguh dan berdaya tahan dalam pelbagai cabaran lain yang akan datang untuk menjadi lebih daripada sekadar menjadi institusi kewangan yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada masyarakat.

Sementara itu, Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Muhammad Zaki bin Haji Zaini / Haji Jaineh dalam ucapan alu-aluan mengongsikan UNISSA telah menubuhkan jawatankuasa perancangan dan pemantauan SDG di mana setiap fakulti sedang berusaha ke arah menyumbang kepada pencapaian SDG.

Bagi FEKIm, FEKIm telah menanamkan prinsip SDG dalam kurikulum dan aktiviti luar kurikulum kami. Dengan itu, saya berharap persidangan ini bukan sahaja akan menghasilkan hasil tetapi yang paling penting adalah hasil yang memberi kesan dan boleh dilaksanakan untuk kita mencapai SDG tepat pada masanya.

Perasmian persidangan turut diserikan dengan pembentangan ucaptama disampaikan oleh Pensyarah FEKIm UNISSA, Profesor Madya Dr. Hakimah Yaacob,

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**  
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

Profesor Madya Dr. Hakimah Yaacob dengan tajuk 'Exploring Islamic Values and Norms on Sustainability from Multidisciplinary Approaches'.

Pada tahun ini, AICIF Ke-11 membawa tema 'Islamic Finance and Sustainable Development Goals (SDGs) : The Way Forward'.

Matlamat utama persidangan ini adalah sebagai langkah universiti melalui ahli-ahli akademik untuk membincangkan penilaian yang teliti terhadap kemajuan terkini dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, menonjolkan peranan kewangan sosial Islam dalam mengukuhkan pembangunan ekonomi serta akibat daripada kebangkitan kewangan sosial Islam yang



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa berucap pada majlis tersebut (kiri), manakala gambar kanan, pembentangan ucaptama oleh Pensyarah FEKIm UNISSA, Profesor Madya Dr. Hakimah Yaacob.



# NBD - AS TINGKAT KERJASAMA TANGANI PERUBAHAN IKLIM

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Disember. - Hubungan diplomatik antara Amerika Syarikat (AS) dan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah terjalin hampir 40 tahun akan terus dipertingkatkan lagi menerusi kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk usaha dalam menangani perubahan iklim.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Penolong Setiausaha bagi Hal Ehwal Awam Global, Jabatan Negara Amerika, William Russo, semasa Taklimat Media yang berlangsung di Hotel Radisson, ibu negara. Turut hadir, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar kiri, antara pengamal media yang hadir.

Radisson, di ibu negara, pagi tadi. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn McClelland.

Menurutnya, AS akan terus komited ke arah mencapai matlamat untuk menangani cabaran berkenaan, namun usaha itu turut memerlukan kerjasama daripada komuniti-komuniti global.

Dalam Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara AS dan NBD yang akan diraikan pada tahun hadapan, jelasnya, ia bukan sahaja memfokuskan kepada pencapaian

PENOLONG Setiausaha bagi Hal Ehwal Awam Global, Jabatan Negara Amerika, William Russo semasa Taklimat Media yang berlangsung di Hotel Radisson, ibu negara. Turut hadir, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar kiri, antara pengamal media yang hadir.

yang telah diraih antara kedua belah negara, tetapi juga kepentingan kerjasama di masa hadapan termasuk dalam menangani perubahan iklim bersama negara-negara ASEAN yang lain.

Oleh itu, beliau memberitahu, pihaknya berharap dapat meningkatkan lagi kerjasama tersebut, selain berharap agar komitmen antarabangsa serta kerjasama bersama NBD dan negara-negara ASEAN yang lain akan dapat mengatasi cabaran iklim, di samping melihat kaedah-

kaedah lain yang dapat digunakan untuk menangani cabaran berkenaan.

Katanya, mereka juga cuba untuk mencari cara bagi menyediakan kapakaran saintifik dan teknikal bagi negara-negara ASEAN memandangkan kesan perubahan iklim bukan sahaja dialami di rantau ini tetapi juga di seluruh dunia termasuk AS.

Sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara kedua belah negara itu juga, beliau menzhirkir harapan supaya hubungan kerjasama itu

dapat mempertingkatkan lagi hubungan antara rakyat, mempromosikan pembangunan ekonomi, kerjasama keselamatan dan ketenteraan; serta program pertukaran.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, peluang melawat ke beberapa tempat menarik di negara ini turut meningkatkan kefahaman dan penghargaan beliau terhadap penduduk dan budaya di negara ini.

Hubungan diplomatik antara AS dan NBD telah ditubuhkan bermula pada tahun 1984.

## KHEU terima sumbangan buku

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menerima sumbangan sebanyak 13 buah buku (enam set) berupa koleksi buku dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Bandar Seri Begawan.

Koleksi buku itu merangkumi aspek budaya, sains, landskap dan sejarah Republik Rakyat China.

Hadir menerima sumbangan buku pada majlis penyerahannya yang berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, di sini ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim

yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo.

Pada majlis itu, Setiausaha Tetap KHEU kemudian menyerahkan sumbangan koleksi buku tersebut kepada unit, jabatan dan institusi pendidikan di bawah kementerian berkenaan iaitu Unit Perundungan Islam; Pusat Da'wah Islamiah; Jabatan Hal Ehwal Masjid; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dalam ucapannya menjelaskan, sepanjang empat tahun lalu, kedutaan menyumbangkan hampir 2,000 buku kepada 13 sekolah di negara ini termasuk sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti serta pertubuhan kebudayaan, yang menyediakan platform untuk rakan-rakan Negara Brunei Darussalam, terutamanya golongan muda, untuk belajar tentang Republik Rakyat China.

"Kami percaya bahawa buku-buku ini bukan sahaja akan membantu rakan-rakan Brunei memahami mengenai masa lalu,

kini dan masa depan China tetapi juga mendalamai pemahaman mereka tentang sejarah Islam dan budaya Islam di China," ujar Tuan Yang Terutama.

Menurut TYT, Negara Brunei Darussalam menjadikan Melayu Islam Beraja sebagai asas negara, dengan umat Islam sebagai majoriti rakyatnya dan budaya agama lain berkembang dan wujud bersama dengan harmoni dan cara yang pelbagai.

TYT seterusnya menjelaskan, Republik Rakyat China adalah sebuah negara yang ramai penduduknya dengan banyak kumpulan etnik dan pelbagai

agama di mana menghormati dan melindungi kebebasan kepercayaan agama adalah dasar asas negara Republik Rakyat China dan dimasukkan ke dalam perlembagaan.

Jelas TYT lagi, terdapat lebih 20 juta umat Islam dan lebih 35,000 masjid di Republik Rakyat China di mana Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang dan Wilayah Autonomi Ningxia Hui adalah kawasan utama penduduk Islam, termasuk kolej agama, institut dan sekolah Islam.

TYT berkata, karya klasik keagamaan seperti Al-Quran juga diterjemahkan dan diterbitkan dalam pelbagai bahasa di Republik Rakyat China, memastikan warisan budaya Islam yang baik.

Adapun sumbangan bahan bacaan tersebut adalah sebagai tanda persahabatan dan pertukaran budaya antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Kedua-dua buah negara telah menjalankan beberapa perjanjian kerjasama dan Memorandum Persefahaman untuk memperkuatkan lagi kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

# MEMUPUK KERJASAMA, MEMAJUKAN RANGKAIAN POS ASEAN



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir dan berucap pada Majlis Pembukaan Mesyuarat APBM Ke-29 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong (kanan dan kiri).



untuk pertukaran bagi amalan terbaik, kemajuan teknologi dan strategi operasi, yang boleh menghasilkan rangkaian pos yang lebih cekap dan boleh disesuaikan mengikut keperluan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Mesyuarat APBM Ke-29 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Menurut beliau lagi, mesyuarat perniagaan pos ASEAN memainkan peranan penting dalam menyesuaikan perkhidmatan pos

untuk memenuhi permintaan landskap digital yang sentiasa berkembang.

"Ia telah membawa kepada pengenalan produk dan perkhidmatan baharu. Ini termasuk, antara lain, ASEANPack yang memacu lebih banyak produk e-dagang di rantau ASEAN. Usaha kolektif ini bukan sahaja telah meningkatkan kualiti perkhidmatan tetapi juga telah memupuk amalan mampan dalam Sektor Pos," tambahnya.

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Pehin Khatib Haji Abdullah, Kampung Kulapis, Awang Abdul Najib Shazwan bin Shahran, diikuti dengan pembukaan rasmi mesyuarat yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Mesyuarat APBM mula diadakan pada tahun 1992 dan dianggotai oleh 10 pengendali perkhidmatan pos dari negara-negara ASEAN.

Objektif mesyuarat APBM adalah pertemuan di antara ketua-ketua pentadbiran pos ASEAN.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), pengarah-pengarah bahagian di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua eksekutif, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos.

**GADONG**, Isnin, 4 Disember. Mesyuarat ASEAN Postal Business Meeting (APBM) merupakan satu muzakarah penting dalam memupuk kerjasama yang lebih kukuh dan memajukan rangkaian pos dalam ASEAN.

Selama hampir tiga dekad, mesyuarat berkenaan dengan jelas telah memberikan impak yang positif terhadap perkhidmatan pos di seluruh rantau ASEAN.

Ia dijadikan pemudah cara, dan akan terus menjadi pemangkin



## MINDA PEMBACA

### Pantau kualiti, keselamatan makanan tempatan

**M**EMANTAU kualiti dan keselamatan makanan tempatan adalah landasan utama untuk memastikan pengeluaran dan pengedaran makanan yang selamat dan berkualiti tinggi. Kepentingan ini menjadi semakin kritikal dalam konteks globalisasi di mana masyarakat semakin peka terhadap aspek kesihatan dan kualiti produk makanan yang mereka konsumsi.

Sistem pemantauan perlu diperkuatkan melalui pemeriksaan berjadual di kilang-kilang makanan tempatan. Pemeriksaan ini harus melibatkan aspek-aspek seperti kebersihan, penggunaan bahan mentah berkualiti, dan pematuhan piawaian kesihatan yang ditetapkan.

Pemeriksaan berkala ini penting untuk menjamin kesinambungan kualiti dalam proses pengeluaran makanan. Ujian makmal yang melibatkan analisis kimia, mikrobiologi, dan keselamatan bahan tambahan perlu dilakukan secara konsisten. Ini memastikan bahawa makanan tempatan bebas dari sebarang bahan berbahaya dan mematuhi standard kesihatan yang telah ditetapkan. Keputusan ujian makmal seharusnya disebarluaskan kepada masyarakat untuk memberi kepercayaan kepada pengguna tentang kualiti produk makanan.

Selain itu, latihan kepada pekerja dalam industri makanan adalah kunci dalam memastikan keselamatan dan kualiti. Pekerja kilang perlu memahami kepentingan amalan kebersihan dan

caracara pengendalian makanan dengan selamat. Ini termasuklah penekanan terhadap penggunaan peralatan bersih, penyimpanan bahan mentah pada suhu yang betul dan langkah-langkah pencegahan kontaminasi. Kesedaran masyarakat tentang keselamatan dan kualiti makanan perlu ditingkatkan. Program kesedaran ini boleh melibatkan kempen publisiti, penerangan di media massa, atau program pendidikan di sekolah. Masyarakat yang lebih maklum tentang sumber makanan mereka akan lebih cenderung membuat pilihan yang lebih bijak dan memberi tekanan kepada industri untuk mematuhi piawaian yang lebih tinggi. Pihak berkuasa juga perlu menggalakkan industri untuk

menjalankan proses pematuhan secara proaktif.

Kesimpulannya, pantauan kualiti dan keselamatan makanan tempatan adalah komitmen bersama untuk melindungi kesihatan masyarakat. Dengan sistem pemantauan yang teliti dan keterlibatan semua pihak berkepentingan, kita dapat meyakinkan masyarakat bahawa makanan tempatan adalah pilihan yang selamat dan bermutu tinggi. Ini bukan sahaja memberi kepuasan kepada pengguna, tetapi juga memberi dorongan kepada industri untuk terus meningkatkan standard mereka demi kebaikan bersama.

**Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis  
No. K/P: 01-099XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Persiapan Belia Hadapi Cabaran Pekerjaan'. Tarikh Tutup : 6 Disember 2023
2. 'Amalkan Berbelanja Secara Berhemah'. Tarikh Tutup : 13 Disember 2023
3. 'Pentingnya Pengesanan Awal Kanser'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2023

#### Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Hibah Dengan Lafaz 'Umra

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**HIBAH** bermaksud pemberian milik terhadap suatu barang tanpa imbalan yang dilakukan semasa hidup secara sukarela. Hibah merupakan akad yang sunat dilakukan berdasarkan ijma' para ulama. Hibah adalah salah satu bentuk kebajikan dan berbuat kebajikan itu dituntut dalam ugama sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'alaa :

**Tafsirnya:** Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan.

(Surah al-Maidah : 2)

Hibah juga merupakan antara sebab yang membawa kepada kasih sayang sesama manusia sebagaimana yang disebut dalam hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

**Maksudnya:** Saling memberi (hibah) antara kamu, (nescaya) kamu akan saling mengasihi.

(Hadits riwayat al-Bukhari dalam kitab al-Adab al-Mufrad)

Hibah mempunyai tiga rukun iaitu dua orang yang berakad hibah (pemberi dan penerima), shighah (ijab dan qabul) dan barang hibah. Setiap rukun hibah mempunyai syarat-syarat yang perlu dipenuhi agar akad hibah menjadi sah. Jika salah satu dari syarat itu tidak dipenuhi, maka akad hibah tersebut menjadi tidak sah.

Salah satu syarat dalam shighah akad hibah itu ialah orang yang melakukan shighah akad hibah hendaklah tidak menetapkan tempoh dalam shighah. Jika dia menetapkan tempoh dalam shighah,

maka akad hibahnya menjadi tidak sah.

Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian bagi perkara menetapkan tempoh dalam shighah yang menjadikan akad hibah tetap sah, salah satu daripadanya ialah beberapa keadaan dalam menetapkan tempoh dengan lafaz 'umra. Irsyad Hukum kali ini akan memberikan penjelasan mengenai hibah dengan lafaz 'umra.

Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitabnya Mughn al-Muhtaj, perkataan 'umra diambil daripada perkataan *al-'umr* yang bermaksud umur. Ia dipanggil 'umra kerana seseorang itu menjadikan pemilikan hibah itu bertempoh mengikut umur seseorang, umpamanya seseorang berkata "Aku hibahkan barang ini kepadamu seumur hidupmu" atau "Aku jadikan barang ini untukmu seumur hidupmu" atau "Aku jadikan barang ini untukmu separjang hayatmu" atau "Aku jadikan barang ini untukmu selama engkau hidup" atau seumpamanya.

Hukum hibah dengan lafaz 'umra tertakluk kepada penetapan tempoh dengan umur seseorang iaitu sama ada penetapan tempoh dikaitkan dengan umur penerima, umur pemberi atau umur orang selain penerima dan pemberi. Berikut dijelaskan hukum hibah bagi ketiga-tiga bentuk lafaz tersebut :

## Lafaz 'Umra Dengan Umur Penerima Hibah

Penetapan tempoh umur penerima dengan lafaz 'umra boleh berlaku dalam tiga keadaan seperti berikut :

1. Pemberi melakukan akad hibah dengan lafaz 'umra serta menyatakan barang hibah akan menjadi milik waris penerima jika penerima itu meninggal

dunia, contohnya pemberi berkata kepada penerima : "Aku jadikan rumah ini untukmu seumur hidupmu. Apabila kau meninggal dunia, maka rumah tersebut akan menjadi milik warismu atau keturunanmu". Maka sah hibah dengan shighah sedemikian tanpa khilaf. Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitabnya Mughn al-Muhtaj, shighah sedemikian dikira sebagai hibah, maka ia perlu kepada lafaz *qabul* dan sah hibah tersebut dengan penerimaan (*qabdh*) barang hibah. Barang hibah itu akan menjadi milik waris penerima jika penerima itu meninggal dunia. Jika penerima tersebut tidak mempunyai waris, maka barang hibah itu akan menjadi harta baitulmal dan tidak kembali pemilikannya kepada pemberi berdasarkan hadits daripada Jabir bin 'Abdullah Radhiallahu 'anhuma bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** Siapa pun lelaki yang dihibahkan secara 'umra baginya (penerima) dan bagi keturunannya, maka ia (barang hibah itu) adalah (milik) bagi orang yang diberikan (bagi penerima dan keturunannya), tidak kembali (barang hibah itu) kepada orang yang memberikannya kerana dia memberi suatu pemberian yang jatuh padanya harta perwarihan.

(Hadits riwayat Muslim)

2. Pemberi melakukan akad hibah dengan lafaz 'umra sahaja tanpa menyatakan barang hibah akan menjadi milik waris penerima setelah kematian penerima, contohnya pemberi berkata kepada penerima : "Aku jadikan rumah ini untukmu seumur hidupmu".

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj dan Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, lafaz pemberi menjadikan pemilikan hibah itu bertempoh mengikut jangka hayat penerima tanpa menyatakan barang hibah akan menjadi milik waris penerima, tidak menafikan perpindahan milik barang hibah kepada waris penerima apabila penerima tersebut meninggal dunia kerana semua pemilikan itu mengikut jangka hayat pemilik. Maka hibah dengan lafaz 'umra sedemikian adalah sah berdasarkan hadits daripada Jabir Radhiallahu 'anhuma bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "(Barang hibah dengan lafaz) 'umra adalah harta waris bagi ahli keluarganya (penerima)".

(Hadits riwayat Muslim)

3. Pemberi melakukan akad hibah dengan lafaz 'umra serta menyatakan syarat bahawa barang hibah akan menjadi milik pemberi atau warisnya jika penerima itu meninggal dunia, contohnya pemberi berkata kepada penerima : "Aku jadikan rumah ini untukmu seumur hidupmu, jika kau meninggal dunia maka rumah ini



**IRSYAD HUKUM**

جایزه معنی کارچان  
جایزه معنی کارچان

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)

E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

kembali menjadi milikku atau menjadi milik warisku jika aku meninggal dunia"". Hibah dengan lafaz sedemikian adalah sah menurut pendapat *al-ashah* akan tetapi syarat yang dinyatakan oleh pemberi tidak diambil kira kerana ia merupakan syarat yang *fasid*.

Ini bererti hibah itu sah menjadi milik penerima dan apabila penerima tersebut meninggal dunia, barang hibah akan menjadi milik waris penerima dan tidak akan menjadi milik pemberi atau waris pemberi.

## Lafaz 'Umra Dengan Umur Pemberi Hibah Atau Umur Ajnabi (Orang Selain Penerima Dan Pemberi)

Jika pemberi melakukan akad hibah dengan lafaz 'umra mengikut umur pemberi, contohnya pemberi berkata kepada penerima : "Aku jadikan rumah ini untukmu seumur hidupku," atau mengikut umur *ajnabi*, contohnya pemberi berkata kepada penerima : "Aku jadikan rumah ini untukmu seumur hidup kawanku yang bernama Zaid," maka batal akad hibah tersebut kerana boleh jadi pemberi atau *ajnabi* meninggal dunia lebih awal daripada penerima sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah.

Sekiranya pemberi atau *ajnabi* itu meninggal dunia sebelum penerima, lalu barang hibah tersebut dikembalikan kepada pemberi atau waris pemberi sebagaimana yang disyaratkan, maka ia bertentangan dengan tujuan dan maksud hibah yang sebenar iaitu pemberian milik kepada penerima. Oleh itu, menetapkan tempoh pemilikan hibah mengikut umur pemberi atau umur *ajnabi* merupakan syarat yang membatakan akad hibah.

Demikian penjelasan mengenai hibah dengan lafaz 'umra.

## HUKUM hibah dengan lafaz 'umra tertakluk kepada penetapan tempoh dengan umur seseorang iaitu sama ada penetapan tempoh dikaitkan dengan umur penerima, umur pemberi atau umur orang selain penerima dan pemberi.

## Hargai masa

memanfaatkan masa yang ada dengan perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan di samping perlu sentiasa mengingatkan masa yang telah berlalu pergi tidak akan kembali lagi. Betapa ruginya mereka yang gagal menggunakan masa dengan baik sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah al-'Ashr ayat 1-3 yang mafhumnya :

"Demi masa. Sungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar".

Masa itu diibaratkan seperti emas yang amat berharga yang mesti dipelihara dengan sebaik-baiknya oleh setiap insan yang memilikinya. Pengurusan masa adalah penting kerana masa adalah aset yang bernilai dalam kehidupan. Semua perkara bergantung kepada ketentuan masa sama ada memberi keuntungan atau kerugian. Semoga ibu bapa lebih peka dengan memastikan masa cuti persekolahan anak-anak mereka diisi dengan perkara yang

memberi manfaat baik untuk di dunia mahupun di akhirat kelak. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi, daripada Ibnu Mas'ud Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya :

"Tidak akan melangkah seseorang hamba itu pada hari kiamat hingga ditanyakan mengenai apa yang dihabiskan dalam umurnya, apa yang dilakukan menurut ilmunya, ke arah mana hartanya diusahakannya dan dibelanjakan serta apa yang dibuat oleh tubuh badannya terhadap segala ujian dan tanggungjawab".

Masa adalah kurniaan daripada Allah Subhanahu Wata'alaa. Pertukaran siang dan malam ini merupakan satu peringatan daripada-Nya bahawa tidak ada yang kekal dan putaran ini tidak akan berhenti agar menjadikan kita insan yang bersyukur untuk masa yang diberikan kepada kita dan tidak patut mensia-siakan masa begitu saja. Bijaklah menggunakan dan mengisi masa semasa cuti persekolahan ini dengan mengatur program-program dan kegiatan yang bermanfaat seperti menyertai kegiatan

atau acara di masjid, membersihkan rumah, bersukan, melawat datuk dan nenek di kampung, melakukan kerja-kerja amal, melancong dan sebagainya. Ibu bapa juga perlu beringat dalam berbelanja agar perbelanjaan yang dilakukan adalah secara berhemat bagi mengelak dari pembaziran hanya demi memenuhi "percutian" semata-mata kerana agama Islam melarang umatnya untuk membazir sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah al-Israa' ayat 27 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalah syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu".

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Ibnu 'Abbas Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya :

"Dua nikmat yang sering kali manusia tertipu oleh keduanya, iaitu kesihatan dan waktu luang".

Justeru, kelapangan cuti persekolahan yang berharga ini janganlah kita persikau. Gunakanlah ia sebaik-baiknya agar kita akan dapat manfaat dalam meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'alaa.



**C**UTI persekolahan hujung tahun sememangnya merupakan waktu yang amat dinanti-nantikan oleh ibu bapa dan juga anak-anak yang bersekolah. Para ibu bapa juga ada yang telah merancang pengisian percutian anak-anak mereka lebih awal sebelum cuti persekolahan bermula. Perkara seperti ini jika dirancang dan dilakukan mengikut lunas-lunas Islam sudah tentu memberikan banyak kebaikan kepada anak-anak di samping dapat memelihara dan mengeratkan hubungan silaturahim ataupun ukhuwah sesama keluarga.

Justeru, sebagai ibu bapa yang prihatin dengan masa depan anak-anak, mereka perlu berusaha menanamkan sifat menghargai masa dan membudayakannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Anak-anak perlu dididik bagaimana untuk


**JABATAN  
PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Sebut Harga :**  
'Supply And Installation Of 24 Core Single Mode Underground Fiber Optic Cable From DCA Transmitter Site To DCA PSR Site For Department Of Civil Aviation'  
ATELS / 2023 / SH-23

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :**  
Rabu, 6 Disember 2023

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :**  
Selasa,  
19 Disember 2023.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Rabu, 20 Disember 2023,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam



(Tidak dikembalikan)

**E-Dokumen : -**

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**  
6 Disember 2023.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**  
Tidak lewat  
Selasa,  
26 Disember 2023.  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
2 Januari 2024.  
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Di Dalam

**Kelas : V sahaja**

**Kategori :**  
KA01

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DOR / SRM 21 / 2023

**Nama Projek :**  
Menaik Taraf,  
Mengemas Kini, Memasang dan  
Membina Baharu Bagi  
Tiang-Tiang (Bus Poles)  
dan Pondok-Pondok  
Perhentian Bas (Bus Shuttle)  
Bagi Laluan-Laluan Yang Sedia  
Ada Di Seluruh Negara Brunei  
Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00



**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DBSKB 015 / 2023.

**Nama Projek :**  
Kontrak Penggal Bagi  
Operasi dan Pemeliharaan  
Bekalan Air Di Kawasan  
Lumut dan Sg.Liang,  
Daerah Belait Untuk 3 Tahun  
(FSOR)

**No. Projek :**  
2023ADKB / B00411 / 002-002-03

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**  
JBP / TSH / 54 / 2023-2024

**Tajuk Tawaran:**  
Membekal dan Menghantar  
Katil dan Tilam

**Bilangan Tawaran :**  
JBP / TSH / 55 / 2023-2024


**Tajuk Tawaran:**  
Membekal dan Menghantar  
Compressor Complete With  
Trolley Electric Motor  
(Aircooled)

**Bilangan Tawaran :**  
JBP / TSH / 42 / 2023-2024

**Tajuk Tawaran :**  
Membekal dan Menghantar  
Inflatable Rescue Mat Stunt  
Jump Airbag And Air Cushion  
Complete With Air Pump / Fan  
And Repair Kit – Retender

**Tarikh Tutup / Jam:**  
Khamis,  
21 Disember 2023.  
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00


**JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Kastam Bil. 30 / 2023**

**Tawaran Perkhidmatan**  
Pembersihan Tandas-Tandas,  
Pondok-Pondok Pemeriksaan  
dan Bilik-Bilik Di Bawah  
Kawalan Jabatan Kastam  
Dan Eksais Diraja Di Pos  
Kawalan Labu dan Kompleks  
Kawalan dan Pemeriksaan  
Ujong Jalan, Cawangan  
Temburong, Jabatan Kastam  
dan Eksais Diraja,  
Kementerian Kewangan  
dan Ekonomi,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 26 Disember 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 257 / 2023 / JPKAS(TC)

**Keterangan :**  
The Provision Of Cleaning And  
Grass Cutting Services For  
Belait Health Office For A  
Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 259 / 2023 / SSBH(TC)

**Keterangan :**  
The Provision Of Maintenance  
Services For Fire Alarm System,  
Carbon Dioxide [CO<sub>2</sub>] Fire  
Suppression System, Fire Hose  
Reel System And Fire  
Extinguishers At Suri Seri  
Begawan Hospital For Three (3)  
Years

**Kelayakan Pembekal /  
Pemborong:**  
Berdaftar dengan Kementerian  
Kesihatan dan  
Jabatan Bomba dan  
Penyelamat,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri.

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 261 / 2023 / PHARM

**Keterangan :**  
The Supply And Delivery Of  
Medicines For The Department  
Of Pharmaceutical Services  
Ministry Of Health

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran :**


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
II sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DOR / SRC22 / 2023

**Nama Projek :**  
Pembinaan Tempat Letak  
Kereta Tambahan Di Masjid  
Kampung Birau, Tutong.

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Mengambil Dokumen  
Tawaran :**  
6 Disember 2023.

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :**  
Tidak lewat Selasa,  
26 Disember 2023.  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 2 Januari 2024.  
Jam 2.00 Petang.



**KK / 261 / 2023 / PHARM**

**Keterangan :**  
Term Contract For  
Collection, Transportation  
And Incinerate Services  
From Pusat Dialysis Rimba,  
Pusat Dialysis Kiarong And  
Department Of Scientific  
Serasa Branch To Off-Site  
Location For A Period Of One  
(1) Year

**Kelayakan Pembekal /  
Pemborong:**  
Berdaftar dengan Kementerian  
Kesihatan dan/atau Jabatan  
Alam Sekitar, Taman dan  
Rekreasi (JASTRE)  
Kementerian Pembangunan

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
19 Disember 2023.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.





**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**  
ANS / 2023 / SH-10  
Membekal Pakaian Seragam Kerja Bagi Seksyen Aerotels, Jabatan Penerbangan Awam

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :**  
6 Disember 2023, Rabu

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :**  
19 Disember 2023, Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
20 Disember 2023.

Rabu.  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di

**Kelas :**  
II

**Kategori :**  
KA01

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DWS / 040 / 2023

**Nama Projek :**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja - Kerja Operasi Di STG 4 Dan STG 5 Loji Rawatan Air Bukit Barun, Tutong

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DWS / 041 / 2023

**Nama Projek :**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja - Kerja Operasi Di STG 6 Dan STG 7 Loji Rawatan Air Bukit Barun, Tutong

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**  
Tidak lewat  
Selasa,  
19 Disember 2023.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
2 Januari 2024.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

**1. JASTRE / BTR / T021 / 2023**

Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Di Taman Mahkota Jubli Emas Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**No. Projek :**  
JASTRE / BTR / T021 / 2023

**2. JASTRE / BTR / T022 / 2023**

Penyelenggaraan Landskap Di Taman Riadah Jalan Menteri Besar Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**No. Projek :**  
JASTRE / BTR / T022 / 2023

**Jumlah Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Buka Tawaran pada :**  
6 Disember 2023  
(Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil :**  
26 Disember 2023.  
(Selasa)

**Tarikh Tutup Pada :**  
2 Januari 2023.  
(Selasa)  
Sebelum jam : 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**The Supply, Delivery,  
Installation, Configuration,  
Testing, Commissioning  
And Warranty**

**Bilangan Tawaran :**  
MOE / LTK / 74 / 2023 / 2024  
[PTP-DIS-2023]

**Tajuk Tawaran :**  
The Supply, Delivery,  
Installation, Configuration,  
Testing, Commissioning  
And Warranty Of Interactive Panel For The Ministry Of Education.

**Kelas :**  
Syarikat ICT Yang Berdaftar

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran :**  
BND15.00  
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND10.00 dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak dikembalikan]

**Bilangan Tawaran :**  
MOE / LTK / 75 / 2023 / 2024  
[PTP-DIS-2023]

**Tajuk Tawaran :**  
The Supply, Delivery,  
Installation, Configuration,  
Testing, Commissioning  
And Warranty Of Remote Recording For The Ministry Of Education.

**Kelas :**  
Syarikat ICT Yang Berdaftar

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran :**  
BND35.00  
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND10.00 dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak dikembalikan]

**Bilangan Tawaran :**  
MOE / LTK / 76 / 2023 / 2024  
[PTP-DIS-2023]

**Tajuk Tawaran :**  
The Supply, Delivery,  
Installation, Configuration,

Testing, Commissioning And Warranty Of Chromebook For The Ministry Of Education.

**Kelas :**  
Syarikat ICT Yang Berdaftar

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran :**  
BND15.00  
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND10.00 dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak dikembalikan]

**Bilangan Tawaran :**  
MOE / LTK / 77 / 2023 / 2024  
[PTP-DIS-2023]

**Tajuk Tawaran :**  
Google Workspace For Education Plus (GWfE PLUS) Subscription For The Ministry Of Education.

**Kelas :**  
Syarikat ICT Yang Berdaftar

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran :**  
BND15.00  
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND10.00 dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
12 Disember 2023.  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup dan Waktu :**  
19 Disember 2023.  
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



**Rujukan Dan Tajuk Tawaran :**  
MINDEF / DFA / RC / 316(1)  
Pengendalian dan Pengurusan Kafeteria Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

**Yuran Tawaran :** Percuma

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 26 Disember 2023,  
jam 8.30 Pagi.



**Bilangan Tawaran Sebut Harga :**  
MOFE / UPAH / Q / 2023 - 8

**Tajuk Tawaran Sebut Harga :**  
Kerja-Kerja Pembersihan Dinding Luar Bangunan "External Cleaning" Tingkat 1 Hingga Tingkat 15, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive

**Tarikh Tutup Tawaran Sebut Harga :**  
Sabtu, 9 Disember 2023.  
Tidak lewat Jam 2.00 Petang



Rabu.  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



**Bilangan Sebut Harga :**  
01 / NOV / 2023 / KKBS / UP

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Bagi Membebalkan Barang-Barang Alat Tulis dan Peralatan Pejabat Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Bagi Tahun 2023

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.  
Khamis, 14 Disember 2023.



**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI**

Kenyataan Jualan Lelang Secara Tawaran Awam

**Bilangan :**  
PDT / 97 / 1967 / 3 - 2023

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong akan mengadakan jualan secara tawaran awam harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti di bawah :

1. Sebuah (1) Mitsubishi Tipper Truck - BG5922
2. Sebuah (1) Mitsubishi Rosa Mini Bus - BG 885
3. Sebuah (1) Tipper Truck - BG 9794
4. Sebuah (1) Hino Tipper Truck

- BG 8052  
5. Sebuah (1) Mitsubishi Tipper Truck - BG 9499  
6. Sebuah (1) Hino Tipper Truck - BG 8051  
7. Sebuah (1) Mitsubishi Pajero High Roof Wagon - BG9653  
8. Sebuah (1) Daihatsu Light Truck - BG 9497  
9. Sebuah (1) Hino ZH100 Water Tanker - BG 5834  
10. Sebuah (1) Mitsubishi L200 Double Cab - BG 9097

**Tarikh Tutup :**  
 Isnin, 18 Disember 2023.  
 Jam 2.00 Petang.





JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2023 (R)

Tajuk Sebut Harga :  
To Provide Technical Service  
For Fishery Products (Shrimp /  
Prawns / Feed) In Compliance  
To ISO / IEC 17025 Standards  
Complete With Logo Of  
Accreditation Bodies (SAMM,  
SAC SINGLAS, UKAS, ETC)  
On The Test Results Report

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0043 / 2023

Tajuk Sebut Harga :

"To Supply And Install A  
Boundary Fencing At Shrimp  
Farm Located At Keramut Area"

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
"To Upgrade, Construct  
And Build Fish Measurement /  
Store Room House At Block  
C, Muara Fisheries Complexes"

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0045 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
"To Supply, Fabricate And  
Install Front Awning At Block C,  
Muara Fisheries Complexes"

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0046 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
"To Repair And Modified  
Fiberglass Boat Sumbilang  
BG0341 (31 Ft),

Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
"Supply, Delivery And  
Installation Of Card Printer  
With Related Consumables"

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis, 21 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0048 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
Drafting Services For  
Preparation Of Tender  
Documentation For Providing  
Distribution Feeder Panel For  
Electricity Supply At Lot 15114  
Kg Sg Belukut Serdang  
Aquaculture Site, Mukim Kota  
Batu, Brunei Muara District

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0050 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
Drafting Services For  
Preparation Of Tender  
Documentation For Providing  
Electrical Substation  
Infrastructure For Electricity  
Supply At Lot 22332 Kg. Telisai  
Aquaculture Site, Mukim Telisai,  
Tutong (11.0071 Hectares)

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0051 / 2023

Tajuk Sebut Harga :

Drafting Services For  
Preparation Of Tender  
Documentation For Providing  
Distribution Feeder Panel For  
Electricity Supply At Lot 15114  
Kg Sg Belukut Serdang  
Aquaculture Site, Mukim Kota  
Batu, Brunei Muara District

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis, 21 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga :  
RTB / K / 192 / 23 - 24  
Supply, Delivery & Installation  
Of Televisions & Accessories

Bayaran Yuran :  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :



BND5.00  
(Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)  
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :  
Rabu, 20 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.

BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan Tawaran :  
BMR / SH / 19 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :  
Sebut Harga Bagi  
Pengubahsuai Bilik Mess  
Pegawai Tingkat I,  
Dewan Riadah,  
Biro Mencegah Rasuah

2. Bilangan Tawaran :  
BMR / SH / 20 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :  
Quotation For Renovation Work  
(Repair, Painting &  
Waterproofing) At Anti  
Corruption Bureau,  
Kuala Belait Branch

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
12 Disember 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
19 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :  
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 04 /  
UPA

Nama Tawaran :  
The Management and Operation  
Of Car Parks In Bandar Seri  
Begawan Central Business  
District



Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
19 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.

Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
"Supply, Delivery And  
Installation Of Card Printer  
With Related Consumables"

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis, 21 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.

JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
UGAMA

1. Bilangan Sebut Harga :  
KHEU / JPI / JKS / PPR(A) /  
2023 - 2024

Perkhidmatan Pemotongan  
Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi  
Zon A

2. Bilangan Sebut Harga :  
KHEU / JPI / JKS / PPR(B) /  
2023 - 2024

Perkhidmatan Pemotongan  
Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi  
Zon B

3. Bilangan Sebut Harga :  
KHEU / JPI / JKS / PPR(C) /



2023 - 2024  
Perkhidmatan Pemotongan  
Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi  
Zon C

Tarikh Tutup :  
Rabu, 7 Jamadilakhir 1445H /  
20 Disember 2023M.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



tawaran, iaitu Selasa, 12 Disember 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
19 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU**  
**SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



# SUMBANGAN RINGANKAN BEBAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa hadir dan seterusnya menerima sumbangan daripada Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Disember. - Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 hari ini menerima sejumlah BND38,949.75 yang disumbangkan oleh Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.

Dana berkenaan adalah hasil kutipan yang dijalankan oleh penuntut-penuntut melalui kutipan derma daripada ahli keluarga mereka dan Projek Amal Charity Bake Sale sekolah berkenaan.

Menerima sumbangan bagi tabung berkenaan ialah

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari pada majlis penyerahan yang diadakan di Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.

Sumbangan berkenaan diserahkan bersama oleh Md. Bazli Albarr bin Haji Mohammad Albadii Shahnoel, Sophora Butt, Yahya Ibrahim dan Fikriyah Halizan, wakil penuntut Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut

ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; Pengetua Eksekutif, Bilal Buttar; Ketua Bahagian Menengah, Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur, Awang Sabiqur Rahman; Ketua Sumber Tenaga Manusia, Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur, Dayang Maimunah binti Aziz dan pegawai-pegawai dari KKBS dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 dibuka kepada orang ramai selama 3 bulan bermula 18 Oktober 2023 hingga 18 Januari 2024. Tabung ini merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan membolehkan pelbagai pihak menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada JAPEM selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih 100 peratus disumbangkan kepada tabung



berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay

dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

## Lebih 5,000 pelajar ambil bahagian dalam kajian PISA



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan semasa berucap pada Sesi Taklimat Media mengenai Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Disember. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan pada hari ini telah mengadakan Sesi Taklimat Media mengenai Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022 bertempat di Dewan Persidangan 1 (P1), Kementerian Pendidikan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Hadir bagi menyampaikan keputusan PISA, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; para pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan wakil-wakil daripada media

tempatan.

Menurut Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati, keputusan PISA 2022 bagi 81 negara dan ekonomi yang ikut serta telah diumumkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) di Paris hari ini.

PISA yang bermaksud Programme for International Student Assessment atau Program Penilaian Pelajar Antarabangsa, telah dapat menyediakan beberapa petunjuk untuk menggambarkan kecekapan penduduk sesebuah negara yang berumur 15 tahun dalam Matematik, bacaan dan Sains. Data PISA juga digunakan untuk menjana indeks Status Ekonomi, Sosial dan Budaya (ESCS) yang memberikan beberapa ukuran kesaksamaan dalam pendidikan.

Setiap maklum balas pelajar

**Oleh : Aimi Sani**  
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

dalam soal selidik juga memberikan beberapa petunjuk mengenai kesejahteraan pelajar. Ini membantu dalam menilai kemajuan negara ini ke arah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - SDG 4 bagi memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang bagi pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

Sekitar 690,000 pelajar yang berumur 15 tahun telah turut serta dalam kajian ini. Di Negara Brunei Darussalam, seramai 5,576 pelajar daripada 54 buah sekolah menengah telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Mengikut kriteria penilaian, bahasa pengantar yang digunakan di sekolah-sekolah menentukan bahasa penilaian. Negara Brunei Darussalam adalah salah satu daripada tiga negara ASEAN yang menjalankan kajian ini dalam bahasa Inggeris.

Antara negara ASEAN yang ikut serta, Negara Brunei Darussalam adalah salah satu daripada tiga negara teratas dalam semua domain PISA 2022. Skor bagi Negara Brunei Darussalam di ketiga-tiga domain adalah 442 bagi Matematik, 429 bagi Membaca dan 446 bagi Sains. Ini adalah peningkatan yang sangat ketara dan signifikan dibandingkan kajian PISA 2018, dengan peningkatan sebanyak 12 skor dalam Matematik, 21 skor dalam Membaca dan 15 skor dalam Sains.

Negara Brunei Darussalam adalah satu-satunya negara di mana prestasi kedua-dua kategori pelajar (ESCS advantaged and

disadvantaged) meningkat sebanyak 13 mata berbanding dengan tahun 2018. Pelajar yang berada dalam Kategori ESCS disadvantaged juga berkemungkinan besar menghadiri sekolah yang sama dengan pelajar dalam Kategori ESCS advantaged di Negara Brunei Darussalam. Ini memberi implikasi bahawa hampir semua pelajar-pelajar berpeluang untuk belajar di mana-mana sekolah di negara ini.

Antara dapatan OECD juga merakamkan semakin ramai ibu bapa terlibat dalam perbincangan bersama guru-guru mengenai prestasi anak mereka pada tahun 2022, dibandingkan dengan 75 buah negara yang ikut serta.

Lebih-lebih lagi, kira-kira 80 peratus pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam bersetuju bahawa guru-guru mereka sentiasa ada dan bersedia membantu jika mereka memerlukan bantuan.

Kementerian Pendidikan menyifatkan prestasi pelajar yang memberangsangkan ini adalah hasil daripada usaha gigih para pendidik di negara ini dalam membantu semua pelajar mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dengan dedikasi yang tinggi dan usaha gigih yang berterusan ini juga, sekolah-sekolah telah mencapai peningkatan yang luar biasa dan ini mengukuhkan lagi kedudukan negara khusus dalam pendidikan dan menjadikan pencapaian ini sebagai penanda aras negara yang baru.

Pencapaian ini adalah bukti hasil kerja keras, dedikasi dan

pendekatan inovatif yang disambut baik oleh pelbagai pihak dan selaras ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Walaupun ada peningkatan dalam PISA 2022, pencapaian Negara Brunei Darussalam masih berada di bawah purata OECD di ketiga-tiga domain. Dalam misinya untuk 'Menyediakan Pendidikan yang Berkualiti dan Holistik untuk Kehidupan Pelajar yang Bermatlamat', Kementerian Pendidikan akan meneruskan usahanya dalam memberikan sokongan kepada guru-guru dan sekolah seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027.

Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada kajian semula kurikulum pendidikan secara berterusan selaras dengan keperluan negara, terus menyemai dan mendukung teknologi dalam pendidikan, keusahawanan dan inovasi khususnya dalam STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik) serta mengukuhkan kualiti penilaian terutama sekali penilaian kendiri sekolah.

Kementerian Pendidikan akan sentiasa memastikan kesejahteraan setiap pelajar adalah terpelihara agar semua dapat mencapai kehidupan yang bermakna melalui kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dalam menyokong pelajar-pelajar yang memerlukan.

Kementerian Pendidikan ingin merakamkan settinggi-settinggi penghargaan kepada semua pelajar, guru, pemimpin sekolah dan ibu bapa serta penjaga yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan program ini.

# PROGRAM MULTAQA MIB BAGI PESERTA BIIBBF 9 DISEMBER INI

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, bagi para peserta 21st Borneo Selasa, 5 Disember. - Program Island International Big Bike Multaqa Melayu Islam Beraja (MIB) akan diadakan



pada 9 Disember ini di bangunan Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di ibu negara.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama PSB, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Kementerian Pendidikan dan Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA).

Pemangku Pengetua PSB, Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh mengongsikan perkara tersebut semasa Sidang Media yang berlangsung di PSB, di ibu negara, pagi tadi.

Turut hadir, Setiausaha Agung PEMODA, Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yussof.

Antara pengisian program tersebut, jelas Mohammad Faisal, termasuk sesi Taklimat Sejarah yang akan disampaikan oleh Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pelepasan konvoi bagi para peserta 21st BIIBBF.

"BIIBBF merupakan festival motosikal berkuasa tinggi terbesar di seluruh Kepulauan Borneo yang menyatukan penggemar-penggemar motosikal berkuasa tinggi di Kepulauan Borneo, nusantara dan antarabangsa.

"Negara Brunei Darussalam dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi festival yang akan diadakan buat kali keenam itu," tambahnya.

Beliau menambah, program berkenaan merupakan salah satu kaedah atau pendekatan baru, untuk memberikan informasi sejarah kepada masyarakat Brunei



PEMANGKU Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh semasa mengongsikan mengenai Program Multaqa Melayu Islam Beraja (MIB) bagi para peserta 21st Borneo Island International Big Bike Festival (BIIBBF) pada Sidang Media yang berlangsung di PSB.

dan Borneo, khususnya golongan belia mengenai nilai-nilai dan kepentingan mempelajari, memahami serta menghayati sejarah.

Katanya, program berkoncepkan pembelajaran, bersantai dan bersilaturahim ini merupakan satu tarikan dalam membarigakan sejarah dan kesultanan Brunei dengan lebih menarik dan mudah difahami.

Objektif program tersebut, katanya, adalah untuk menyebarluaskan peranan dan fungsi PSB sebagai Institusi sejarah dan kesultanan Brunei selaras dengan pencapaian sasaran jabatan iaitu sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei, di samping melestarikan sejarah melalui Taklimat Sejarah Awal Hubungan

Brunei dengan Borneo selaras dengan matlamat penubuhan PSB untuk mendekatkan sejarah kepada masyarakat.

Selain itu, beliau menambah, program turut mendorong dan menggalakkan masyarakat di negara ini untuk sama-sama mengamalkan budaya hidup sihat dan beriadah, juga menanam dan menguatkan lagi semangat cinta dan taat setia kepada raja, agama, negara dan bangsa.

"Program Multaqa MIB ini diharap akan dapat mencapai objektifnya, dan sebagai langkah berterusan ke arah menjalinkan hubungan kerjasama dengan rakan-rakan strategik dan pihak-pihak berkepentingan," ujar beliau.

## Mulakan perjalanan digital awda dengan UNN.



### Perkhidmatan Pengehosan Kolokasi

Menyediakan kemudahan pusat data yang khusus dan terurus sepenuhnya untuk mengehoskan pelayan dan perkakasan komputer.



### Perkhidmatan Pengehosan Awan

Membolehkan perniagaan menikmati infrastruktur pengkomputeran atas permintaan tanpa perlu mengurus dan memiliki peralatan fizikal.



### Perkhidmatan Keselamatan Siber

Melindungi sambungan rangkaian dan aplikasi perniagaan daripada serangan siber dan eksploitasi.



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)



Empowering Digital Society

## LAHIRKAN SIFAT BERDAYA SAING, BERTANGGUNGJAWAB, BERKEMAHIRAN



KUMPULAN Belia Al-Jiilul Faatih semasa menganjurkan Program Perkhemahan Youth Caliph Camp : The New Dawn (atas dan bawah).

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam bin Jaya

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Disember. - Kumpulan Belia Al-Jiilul Faatih telah menganjurkan Program Perkhemahan Youth Caliph Camp : The New Dawn yang diadakan buat kali ke-4 bertempat di Pusat Da'wah Islamiah.

Seramai 35 peserta yang terdiri daripada 22 lelaki dan 13 perempuan daripada golongan belia-belia muda yang berumur 12 hingga 15 tahun menyertai program tersebut.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk membina sifat-sifat kepimpinan peserta dengan meneladani sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dijadikan sebagai *qudwah hasanah*.

Ia juga dapat melatih belia remaja untuk melahirkan sifat berdaya saing, bertanggungjawab serta berkemahiran dalam bakat masing-masing yang membawa manfaat kepada masyarakat.

Program ini juga menggalakkan para belia remaja untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan membina rangkaian di antara peserta-peserta agar dapat meningkatkan lagi kualiti perhubungan dan rasa *kekitaan*.

Selain itu juga akan dapat meningkatkan kefahaman para belia remaja tentang agama Islam untuk membentuk nilai-nilai murni dan moral diri yang cemerlang dalam kalangan mereka serta menyediakan platform bagi perkembangan diri dan pertumbuhan rohani.

Program ini akan berlangsung selama empat hari tiga malam bermula Isnin, 4 Disember hingga Khamis, 7 Disember.



**Selamatkan Usus Awda.**

کشوریتین کھیجہت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.**

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)



\*Sasaran pemeriksaan:  
Lebak atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

## "Kenali Bahasa Brunei"

**Bajugul** bermaksud :

1 bercukur rambut sehingga gondol.

Contoh pemakaian kata: bapa atau ingin ia **bajugul**, ucapannya inda payah kan gagau-gagau basisir.

2 kiasan tidak memakai songkok, ketayap, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata: udah pun pakaian sapanggal batang, **bajugul** tia lagi, nada majlis bah usulnya datang ka urang kawin ani. sampurna-sampurna tah bapakaian kan arah urang kawin ani, inda bisai kan **bajugul**, inda majlis bah usulnya.

**Manjulungkan** bermaksud menghulurkan atau mengunjukkan ke atas.

Contoh pemakaian kata: luannya gagas atu inda ia mau naik, **manjulungkan** ganya ia kiriman ku atu dari bawah rumah ah.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

## Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Udang Galah Bakar sambal penyet Kampung Birau

**Bahan-bahannya :**

- 1 kilo udang galah
- Bawang putih, bawang merah, dan halia dikisar
- Sedikit cili kisar
- Garam secukup rasa dan sedikit perasa.

**Cara-cara memasaknya :**

- Gaulkan udang bersama bahan-bahan yang dikisar tadi, masukkan garam dan perasa, tahan sampai 15 minit. Kemudian, barulah dibakar.

**Cara masak sambalnya :**

- Bawang putih, bawang merah, lada hidup, dan sedikit

belacan, dan buah tomato. Semua bahan tersebut hendaklah terlebih dahulu digoreng separuh masak. Setelah itu, barulah dikisar kasar. Masukkan garam dan perasa secukup rasa. Kemudian, barulah dimasak semula, sampai masak.





# Cegah HIV, AIDS sebelum terlambat

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Ihsan freepik.com

**HUMAN** Immunodeficiency Virus (HIV) merupakan suatu virus yang melemahkan sistem ketahanan badan seseorang dan menyebabkan pesakit mudah mendapat jangkitan kuman. Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS) adalah komplikasi jangkitan HIV. Ia berlaku apabila daya ketahanan badan telah menjadi begitu lemah sehingga tidak berupaya melawan jangkitan kuman dan menangani penyakit-penyakit lain menyebabkan individu berkenaan menghidap beberapa masalah kesihatan yang boleh membahayakan nyawa. Peringkat AIDS ini boleh dicegah jika jangkitan HIV dikesan awal dan menerima rawatan berkesan pada peringkat awal lagi.

## Tema tahun ini

Disember merupakan Hari AIDS Sedunia dan diraikan oleh orang ramai di seluruh dunia. Hari AIDS Sedunia disambut setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran mengenai jangkitan HIV dan langkah-langkah pencegahan dan rawatan serta memperingati mereka yang telah meninggal dunia akibat penyakit berkaitan dengan AIDS. Ia juga merupakan peluang bagi kita untuk memperbaharui tekad dan komitmen dalam sama-sama mempergiatkan lagi usaha dalam menangani jangkitan HIV dan seterusnya menamatkan epidemik AIDS sebagai ancaman kesihatan awam menjelang 2030.

Tema sambutan pada tahun ini 'Biar Masyarakat Memimpin' atau 'Let Communities Lead', menggariskan pentingnya peranan komuniti dalam merangka respons terhadap pandemik HIV atau AIDS. Ini kerana sesebuah komuniti berupaya membuat perubahan signifikan pada peringkat akar umbi apabila mereka diberi sokongan dan kepercayaan. Oleh itu, memperingati Hari AIDS Sedunia merupakan satu bentuk perpaduan bersama masyarakat dalam meningkatkan kesedaran, memberikan pendidikan serta memperkasa di dalam mengambil tindakan yang bertepatan dan bersesuaian dengan amalan terbaik di dalam konteks Negara Brunei

Darussalam.

## Statistik

Pada akhir tahun 2022, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menganggarkan kira-kira 39 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia yang mana 1.3 juta adalah merupakan kes jangkitan baharu. Sementara itu, sebanyak 630,000 orang dianggarkan telah meninggal dunia disebabkan oleh jangkitan-jangkitan dan masalah-masalah kesihatan akibat jangkitan HIV di seluruh dunia.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), sejak kes pertama dilaporkan pada tahun 1986 sehingga Disember 2022, sebanyak 435 kes telah dilaporkan dan 89 daripadanya telah meninggal dunia. NBD merupakan salah satu negara yang mempunyai kadar jangkitan HIV yang rendah. Walau bagaimanapun, dalam masa beberapa tahun kebelakangan, kadar kes meningkat melebihi kadar pada tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan HIV serta pengesanannya di mana lebih ramai mereka yang mempunyai risiko tinggi bagi jangkitan ini tampil untuk menjalani ujian HIV dan mendapatkan maklumat mengenai kaedah-kaedah pencegahan jangkitan.

## Cara-cara HIV boleh berjangkit

HIV boleh berjangkit melalui empat perkara iaitu :

1. Hubungan kelamin dengan pelbagai cara
2. Jangkitan boleh terjadi daripada ibu ke anak semasa mengandung, melahirkan atau menyusukan
3. Berkongsi jarum suntikan dengan mereka yang menghidap HIV
4. Proses pemindahan darah

Di Negara Brunei Darussalam, orang-orang yang berisiko tinggi bagi jangkitan HIV adalah mereka yang mengamalkan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung, terutamanya hubungan kelamin sesama lelaki (MSM). Oleh itu, adalah disarankan terutama kepada belia

remaja kita untuk mengelakkan diri daripada terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan hubungan seks bebas dan menjauhkan diri daripada melakukan zina.

## Cara-cara HIV tidak boleh berjangkit

HIV tidak boleh menjangkit melalui udara atau air. Contohnya, semasa berenang. HIV tidak akan merebak jika orang yang dijangkiti itu melakukan aktiviti renang. Selain itu, air liur, peluh, air mata ataupun ciuman juga tidak akan menyebabkan berlakunya jangkitan HIV. Begitu juga dengan berkongsi tandas, makan atau minuman dan gigitan serangga atau nyamuk.

## Kaedah saringan HIV

Di NBD terdapat beberapa program kesihatan yang membuat ujian saringan bagi pengesan awal HIV. Kaedah ini bertujuan untuk mengesan jangkitan HIV di kalangan individu yang kelihatan sihat dan berisiko tinggi terhadap masalah kesihatan supaya dapat diberi rawatan awal. Di antara program saringan tersebut termasuk saringan bagi ibu-ibu mengandung dan *medical fitness* bagi sektor pekerjaan yang tertentu. Terutamanya, bagi mereka yang berisiko untuk terdedah kepada cecair badan orang seperti paramedik, pengambil darah (flebotomi), pakar bedah dan juga *medical fitness* bagi pekerja-pekerja asing.

Biasanya, ujian HIV akan dibuat menggunakan sampel darah individu tersebut. Ujian HIV melibatkan pengesan antigen atau antibodi HIV yang terdapat dalam individu yang dijangkiti dengan virus HIV. Terdapat dua kaedah ujian untuk mengesan HIV.

Pertama, membuat ujian darah. Ini dibuat untuk mengesan antigen atau antibodi HIV yang boleh dibuat di klinik-klinik dan hospital kerajaan dan swasta.

Kedua, menggunakan kit ujian segera HIV (HIV Rapid Test) yang juga boleh didapati di beberapa klinik swasta di negara ini.

Pengesan awal HIV adalah merupakan komponen penting bagi tindak balas terhadap HIV. Bagi individu yang menjalani ujian HIV dengan menggunakan kit ujian segera HIV, jika keputusan ujian *rapid test* adalah positif, individu tersebut perlulah mendapatkan ujian susulan di pusat-pusat

kesihatan dan hospital-hospital bagi pengesahan dan rawatan selanjutnya.

## Langkah mengurangkan risiko jangkitan

Terdapat beberapa langkah mudah yang boleh diambil dalam mengurangkan risiko ancaman daripada jangkitan HIV dan AIDS, iaitu :

1. Menahan Diri (Abstain) - Mengelakkan diri dari melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV
2. Kekal Setia (Be Faithful) - Mengelakkan dari sering bertukar-tukar pasangan
3. Hubungan yang Selamat (Be Safe) - Mengelakkan dari melakukan hubungan secara rambang dan tidak terlindung
4. Lakukan Pemeriksaan (Get Checked) - Melakukan ujian dan pemeriksaan serta mendapatkan rawatan HIV dengan segera untuk melindungi orang lain dari dijangkiti.

## Kesimpulan

Kesedaran mengenai HIV dan AIDS dalam kalangan masyarakat khususnya para belia kita amatlah penting bagi mencegah penyakit ini kerana ianya adalah satu epidemi yang telah wujud selama lebih daripada 30 tahun dan merupakan salah satu penyakit berjangkit yang masih menjadi isu utama kesihatan awam di seluruh dunia.

Kepada para belia di luar sana, jangan sesekali terjerumus dengan seks bebas dan pengambilan dadah kerana perkara ini boleh mengakibatkan terjangkitnya HIV dan AIDS. Jangan membuang masa dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Ada baiknya melibatkan diri dengan melakukan kerja-kerja sukarelawan. Secara tidak langsung, dapat menyumbang ilmu dan tenaga kepada perkara-perkara yang bermanfaat dengan memberikan khidmat kepada kerajaan mahupun negara. Ibu bapa juga perlu peka mengawasi pergerakan dan aktiviti yang dilakukan oleh anak mereka. Persiapkan diri dengan ilmu pengetahuan berkaitan dengan kesihatan hiperaktif, bahaya siber dan sebagainya. Lindungi diri kita dan keluarga daripada dijangkiti penyakit HIV dan AIDS.





**TAKLIMAT** disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Kajicuaca Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Awang Mohammad Affindi bin Haji Sabli.

**BERAKAS**, Isnin, 4 Disember. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), pagi tadi mengadakan Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-22 bertempat di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan.

Seramai 74 wakil daripada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai menghadiri taklimat berkenaan.

Taklimat Cuaca Kebangsaan kali

# SENTIASA PEKA DENGAN KEADAAN CUACA AKTIF

ini disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Kajicuaca, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Awang Mohammad Affindi bin Haji Sabli.

Dalam taklimatnya, beliau memfokuskan pada keadaan cuaca, iklim dan ramalan jangka panjang bagi Monsun Timur Laut yang akan bermula pada awal bulan Disember 2023 dan dijangka akan berterusan sehingga bulan Mac 2024.

Dua bulan pertama Monsun Timur Laut iaitu bulan Disember 2023 dan Januari 2024, yang juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh, adalah bulan-bulan yang lazimnya menerima jumlah turunan hujan yang banyak dan merekodkan bilangan hari-hari berhujan tertinggi jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain.

Semasa tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala semasa tempoh

separuh kedua Monsun Timur Laut iaitu pada bulan Februari dan Mac 2024, keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Berasaskan data klimatologi, berikut adalah jumlah purata turunan hujan dan hari-hari berhujan bagi tempoh Disember 2023 hingga Februari 2024 berserta dengan ramalan cuaca bermusim yang dikongsikan semasa taklimat tersebut.

Bulan Disember 2023, jumlah purata turunan hujan iaitu 358.9 mm, manakala jumlah purata hari-hari berhujan ialah 21 hari dan ramalan cuaca bermusim adalah normal. Seterusnya, Januari 2024, jumlah purata turunan hujan iaitu 320.6 mm, manakala jumlah purata hari-hari berhujan ialah 18 hari dan ramalan cuaca bermusim adalah normal. Kemudian, pada bulan Mac 2024, jumlah purata turunan hujan iaitu 143.4 mm, jumlah purata hari-hari berhujan ialah 13 hari dan seterusnya, ramalan cuaca bermusim adalah bawah normal.

Selain daripada itu, Taklimat Cuaca Kebangsaan kali ini juga membincangkan mengenai keadaan El Niño yang sedang berlaku di rantau kita pada masa ini, yang disampaikan oleh

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

Pegawai Pengkajian dan Perkembangan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Dayang Zulfah Zuhairah binti Abdul Rani, dijangka akan mengalami pengurangan aktiviti hujan dan penurunan jumlah turunan hujan dengan peningkatan suhu udara.

Keadaan cuaca yang lebih panas dan kering berpotensi dijangka berlaku semasa kemuncak fenomena El Niño sekitar awal tahun 2024, terutama pada bulan Februari dan Mac 2024 nanti, iaitu dua bulan yang terkering bagi Negara Brunei Darussalam, berbanding dengan bulan-bulan yang lain.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal dan yang bersesuaian dalam menangani impak dan hubung kait dengan keadaan cuaca aktif yang diramalkan berlaku pada Musim Tengkujuh ini, dan juga keadaan cuaca kering yang diramalkan berlaku pada bulan Februari dan Mac 2024.

Orang ramai, para pemandu di

jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Dalam pada itu, BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari masa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi telefon bimbit BDMD iaitu Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau melalui laman Facebook @bruneiweather dan Instagram @bruneiweather.



ANTARA yang hadir mendengarkan Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-22 bertempat di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan (kiri dan kanan).



# ALAI PINTAR 115

SOALAN 6 DISEMBER 2023, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Ibu selalu \_\_\_\_\_ pesan kepada saya supaya belajar bersungguh-sungguh. Apakah imbuhan yang sesuai bagi ayat ini?

- a) me
- b) ter
- c) ber

2. Seekor singa lebih \_\_\_\_\_ daripada seekor arnab.

- a) kecil
- b) besar
- c) bulat

3. Objek manakah yang mempunyai ciri keras dan sejuk?

- a) Ais kuib
- b) Tuala
- c) Kayu

TARIKH TUTUP : 16 DISEMBER 2023

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 114 :

Nama : Dk. Rubiatul Nurasyurah Binti Pg. Md. Rashidi  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0133713-01. Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Lambak Kanan  
Nama : Nureny Zalikhaa' Syahrain Bte. Saiful Bahrin  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0111259-01. Sekolah : Sekolah Tunas Jaya PGGBM Madang  
Nama : Siti Kamelia Adrianna Allysa binti Abdullah  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0114914-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Basir Lambak Kanan

### SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Penggarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Kawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Kawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Kawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap
 

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....  
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 114

- B – 5 500
- A – Tua
- B – Menghidu

## CUACA BURUK JEJAS USAHA MENCARI MANGSA DI KAWASAN GUNUNG BERAPI DI INDONESIA

JAKARTA, 5 Dis - Usaha mencari dan menyelamat mangsa letusan Gunung Marapi di Sumatera Barat, Indonesia terhalang oleh hujan serta jalan yang licin, lapor agensi berita Jerman (dpa) memetik seorang pegawai pada Selasa.

Gunung Marapi yang meletus pada petang Ahad dan memuntahkan abu dan awan panas, mengorbankan sekurang-kurangnya 11 orang dan ramai lagi yang cedera.

Sekurang-kurangnya 12 orang masih hilang. "Keselamatan pasukan perlu diutamakan. Hujan sejak malam tadi hingga awal pagi menyebabkan jalan licin dan menghalangi pasukan penyelamat turun," kata Abdul Malik, ketua agensi mencari dan menyelamat di Padang.

"Kami berhadapan kesukaran untuk menerangkan dron disebabkan keadaan cuaca,"

menurut Malik.

Beliau berkata operasi mencari diteruskan di seluruh kawasan berbatu yang menjadi tempat pilihan pendaki untuk berkhemah.

Beberapa mangsa yang selamat didapati melecur dan dibawa ke hospital. Hanya enam mayat berjaya dikeluarkan dan dikenal pasti, kata pegawai.

Pihak berkuasa menggesa orang ramai, pelancong dan pendaki supaya menjauhi kawasan itu

dalam jarak tiga kilometer di sekitar puncak, memakai pelitup muka, topi dan cermin mata semasa di luar rumah bagi melindungi diri daripada abu dan serpihan.

Gunung Marapi merupakan antara gunung berapi paling aktif di Sumatera, sebuah pulau di barat kepulauan Indonesia.

Sebelum Ahad, letusan terakhirnya adalah pada 2018, apabila ia memuntahkan abu dan lahar sehingga lima kilometer ke



atmosfera.

Gunung berapi itu adalah sebahagian daripada Lingkaran Api Pasifik, rangkaian aktiviti seismik di sekitar Lautan Pasifik. Indonesia mempunyai lebih daripada 120 gunung berapi aktif, menjadikannya terdedah kepada bencana letusan gunung berapi. - ©BERNAMA

## Keterbukaan China cetus peluang negara di Selatan Global

BEIJING, 4 Dis. - Perdana Menteri Cuba Manuel Marrero Cruz berkata keterbukaan serta visi global China telah mencetuskan peluang kepada negara-negara di 'Selatan Global' sekali gus membolehkan Cuba mempelajari pengalaman pembangunan China.

Beliau berkata demikian dalam wawancara eksklusif bersama Kumpulan Media China (CMG) di Beijing baru-baru ini.

Dalam rangka lawatan julung kali ke China sejak dilantik sebagai perdana menteri, beliau menyifatkan Ekspo Import Antarabangsa China (CIE) kali keenam yang diadakan di Shanghai baru-baru ini merupakan satu daripada kejayaan besar yang dicapai oleh China.

Beliau berkata CIE sebagai platform terbuka dan inklusif yang memberi ruang serta peluang kepada negara-negara di seluruh

dunia untuk bersama menikmati pembangunan.

"Saya sangat berpuas hati dengan lawatan ke China kali ini. Saya berbesar hati dapat menghadiri CIE di Shanghai kerana ia pameran terbaik dan berskala paling besar dalam pameran seumpamanya di seluruh dunia.

"Kami (Cuba) menghantar rombongan ahli perniagaan yang amat besar untuk menyertai CIE edisi kali ini dan Pavilion Cuba menerima banyak tempahan dari syarikat China," kata Marrero.

Beliau berkata CIE bukan sekadar satu pameran kerana ia juga akan memberi pengaruh yang besar kepada hubungan ekonomi dan perdagangan antara Cuba dan China.

"China tidak pernah membina tembok tinggi, tidak pernah mengenakan syarat politik dan

tidak pernah campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain.

"Sebaliknya China berkongsi hasil pembangunannya dengan masyarakat antarabangsa melalui beberapa inisiatif antaranya Inisiatif Pembangunan Global, Inisiatif Keselamatan Global dan Inisiatif Peradaban Global.

"Inilah perbezaan besar antara China dengan Amerika Syarikat (AS). Ia bukan sahaja kerana sistem negara yang berbeza, tetapi juga kaedah China dalam mempamerkan dirinya kepada dunia," kata Marrero.

Beliau berpendapat bahawa tiga inisiatif global itu adalah wawasan dan idea Presiden Xi untuk berkongsi pengalaman pembangunan China dengan dunia.

"Saya yakin dunia memerlukan China," tambah Marrero. - ©BERNAMA

## Qatar akan teruskan usaha untuk sambung semula jeda kemanusiaan di Gaza : PM

DOHA, 4 Dis. - Qatar pada Ahad berkata pihaknya akan meneruskan usaha bersama negara-negara lain untuk menyambung semula jeda kemanusiaan di Semenanjung Gaza dengan matlamat mencapai gencatan senjata berkekalan.

"Qatar berusaha gigih dalam proses rundingan untuk menghentikan perang balas dendam ini," kata Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al-Thani dalam ucapan pada mesyuarat ke-158 Majlis Persediaan Peringkat Menteri bagi sesi ke-44 Majlis Tertinggi Kerjasama Teluk (GCC) yang berlangsung di Doha, menurut Kementerian Luar Qatar.

Al-Thani mengulangi "kecaman Qatar terhadap jenayah yang dilakukan pendudukan Israel dan gesaannya supaya siasatan antarabangsa dijalankan segera secara komprehensif dan tidak berat sebelah terhadap jenayah itu terutama serangan yang menyasar orang awam, bantuan dan kemudahan kemanusiaan," lapor Agensi Anadolu yang memetik kementerian itu.

Beliau berkata "mesyuarat bersidang dan sejak beberapa hari lepas anggota majlis menyaksikan dengan rasa kesal terhadap pencerobohan biadab dan jenayah kejam yang dilakukan oleh pendudukan Israel terhadap saudara Palestin di Semenanjung

Gaza". Tentera Israel meneruskan pengeboman di Semenanjung Gaza awal Jumaat selepas mengisyitarkan penamat jeda kemanusiaan selama seminggu.

Sekurang-kurangnya 509 rakyat Palestin terbunuh dan 1,316 cedera sejak Jumaat lepas dalam serangan udara Israel, menurut Kementerian Kesihatan Gaza.

Pada Ahad, Kementerian Kesihatan di kawasan Palestin yang dikepung berkata angka kematian akibat serangan Israel di Semenanjung Gaza meningkat kepada 15,523 sejak bermulanya konflik pada 7 Okt.

Jumlah yang cedera dalam tempoh yang sama telah meningkat kepada 41,316 orang. - ©BERNAMA

## Maldives peroleh jaminan India mengenai penarikan balik tentera

NEW DELHI, 4 Dis. - Kerajaan Maldives berkata pihaknya memperoleh jaminan daripada India mengenai penarikan balik tentera India dari negara itu seperti yang dikehendaki oleh rakyat Maldives.

Penarikan balik tentera India dari Maldives merupakan antara janji penting pilihan raya Presiden Mohamed Muizzu.

Kerajaan beliau mendedahkan pada 19 Nov bahawa 77 anggota tentera India ditempatkan di negara itu, dua hari selepas Muizzu dilantik sebagai presiden.

Pada Ahad, Muizzu menyatakan mengenai "jaminan kerajaan India

untuk menghormati hasrat rakyat Maldives untuk menghentikan kehadiran tentera asing di negara itu," menurut kenyataan kerajaan.

Muizzu berakap mengenai isu itu pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Velana selepas pulang dari lawatan rasmi ke Turkiye dan Emiriah Arab Bersatu.

Presiden "menegaskan bahawa beliau terlibat dalam beberapa dialog yang berkesan dengan wakil kerajaan India, khususnya berkaitan penarikan balik anggota tentera India dari Maldives," menurut kenyataan itu.

Daripada jumlah anggota tentera India itu di Maldives, 24 anggota tentera India terlibat dalam operasi helikopter, 25 lagi dalam operasi pesawat Dornier manakala 26 ditugaskan dalam operasi helikopter kedua dan dua anggota bertanggungjawab untuk kerja penyelenggaraan dan kejuruteraan pesawat itu, menurut kerajaan Maldives.

Muizzu dan Perdana Menteri India Narendra Modi bertemu di luar persidangan COP-28 di Dubai pada Jumaat dan bersetuju untuk menubuhkan "kumpulan teras" bagi menangani isu dua hala. - ©BERNAMA

## COP28 : Sidang Kemuncak iklim lancar perkongsian galak daya tahan iklim wanita

DUBAI, 5 Dis. - Sidang kemuncak iklim PBB pada Isnin melancarkan perkongsian yang disokong oleh 68 negara, termasuk China untuk mengurangkan impak perubahan iklim terhadap punca pendapatan kaum hawa dan memudahkan peranan mereka dalam peralihan rendah karbon.

Perkongsian itu dilancarkan pada dialog peringkat tinggi semasa sesi ke-28 Persidangan Pihak-Pihak (COP28) kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) yang diadakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Menurut Agensi Berita Xinhua, ia selaras dengan strategi responsif jantina PBB untuk mengurangkan kehilangan pekerjaan dan pendapatan bagi wanita semasa peralihan negara kepada ekonomi hijau.

Perkongsian itu turut mencakupi paket komitmen, termasuk tindakan ke atas data khusus jantina, kewangan dan peluang saksama, yang akan dilaksanakan oleh penandatangan dalam tempoh tiga tahun akan datang sebelum dinilai semula pada COP31.

"Perubahan iklim tidak bersifat neutral jantina - ia memberi kesan yang tidak seimbang kepada wanita dan gadis," kata Juara Peringkat Tinggi Perubahan Iklim PBB untuk COP28 Razan Al Mubarak pada dialog itu.

Peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan mampan akan membawa kepada penghapusan dan transformasi beberapa pekerjaan serta penciptaan peranan baharu, menurut kenyataan presidensi COP28.

Kenyataan itu yang memetik data Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) memaklumkan sebanyak 1.2 bilion pekerjaan atau 40 peratus daripada tenaga buruh global berisiko hilang akibat pemanasan global dan kerosotan alam sekitar.

Selain itu katanya wanita membentuk majoriti mereka yang bekerja dalam sektor yang sangat terdedah kepada perubahan iklim.

Seramai 158 juta wanita dan gadis diramalkan akan mengalami kemiskinan di seluruh dunia akibat perubahan iklim menjelang pertengahan abad ini, 16 juta lebih banyak daripada jumlah keseluruhan lelaki.

Memandangkan "krisis iklim memburukkan lagi ketidaksamaan jantina sedia ada dan menimbulkan ancaman serius kepada mata pencarian, kesihatan dan kesejahteraan wanita", Mubarok menyeru kerangka kewangan global diperbaharui untuk melabur dalam pemerkasaan ekonomi wanita. - ©BERNAMA

## Iran, Arab Saudi ambil pendekatan pertama tingkatkan hubungan pertahanan

TEHRAN, 4 Dis. - Selepas sembilan bulan Iran dan Arab Saudi memulihkan hubungan diplomatik, pegawai kanan pertahanan kedua-dua negara mula membincangkan cara untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan dan pertahanan antara kedua-dua kuasa besar serantau itu.

Ketua Staf Angkatan Bersenjata Iran Mejar Jeneral Mohammad Baqeri dan Menteri Pertahanan Arab Saudi Khalid bin Salman Al Saud baru-baru ini berbincang melalui telefon mengenai isu kepentingan bersama serta cara untuk meningkatkan hubungan ketenteraan antara Tehran dan Riyadh, lapor agensi berita Iran IRNA.

Baqeri yang berpuas hati terhadap penyambungan semula hubungan diplomatik antara kedua-dua negara selepas tujuh tahun, memuji kerajaan Arab Saudi kerana menganjurkan sidang kemuncak Liga Arab dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bulan lepas bagi menangani pencerobohan Israel di Gaza.

Beliau berkata angkatan tentera Iran bersedia untuk meningkatkan hubungan ketenteraan dengan angkatan tentera Arab Saudi.

Sementara itu, menteri pertahanan Arab Saudi juga menyambut baik prospek peningkatan kerjasama antara angkatan tentera kedua-dua negara. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## TINGKAT TAHAP KESIHATAN PEGAWAI, KAKITANGAN JIPK

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa mengadakan pelbagai aktiviti bersempena Penubuhan JIPK Ke-65 Tahun, antaranya sesi senamrobik, Walkaton, Basikalton serta penanaman 30 pokok di JIPK (bawah kiri, bawah kanan, bawah kiri sekali dan bawah kanan sekali).



**Siaran Akbar dan Foto :**  
**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini mengadakan pelbagai aktiviti

bersempena Penubuhan JIPK Ke-65 Tahun.

Acara tersebut diadakan di Ibu Pejabat JIPK dan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarah

Imigresen, Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan, Penolong-penolong Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan serta mantan pegawai JIPK.

Program aktiviti dimulakan dengan sesi senamrobik dan seterusnya diikuti dengan Walkaton, Basikalton serta penanaman 30

pokok di JIPK.

Aktiviti diadakan bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan tahap kesihatan pegawai dan kakitangan melalui aktiviti riadah sukan dan seterusnya juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan pegawai dan kakitangan jabatan.



## Empat kejohanan awal tahun depan penting bagi Tze Yong layak ke Paris 2024

**KUALA LUMPUR**, 5 Dis - Empat kejohanan awal tahun hadapan penting bagi menentukan nasib pemain perseorangan lelaki negara Ng Tze Yong, dalam memburu slot ke Sukan Olimpik 2024 di Paris.

Jurulatih perseorangan lelaki negara Hendrawan berkata sekiranya Tze Yong berjaya mendapat keputusan positif pada empat kejohanan tersebut, peluang dilihat cerah buat anak buahnya membuat penampilan sulung di pentas Olimpik.

"Banyak kejohanan kita harus lalui, yang pasti fokus utama lepas ke Sukan Olimpik dahulu, jika boleh juara, peluang ke Sukan Olimpik pasti lebih besar," katanya selepas sesi latihan di sini hari ini.

Tze Yong dijangka membuka tirai kempen 2024 pada Terbuka Malaysia pada 9-14 Jan, diikuti Terbuka India (16-21 Jan), Masters Indonesia (23-28 Jan) dan Masters Thailand (30 Jan-4 Feb).

Hendrawan berkata langkah memastikan

pemain berusia 23 tahun itu memperoleh keputusan baik pada empat kejohanan tersebut, juga mampu membantunya dari segi mengatur perancangan mengurangkan kepadatan jadual Tze Yong tahun depan.

Setakat ini, pemain kelahiran Johor itu berada di kedudukan ke-13 dengan 57,080 mata dalam ranking Race to Paris di belakang pemain profesional Lee Zii Jia, yang menghuni tempat ke-10 (62,126 mata).

Mengikut format, setiap negara dibenarkan menghantar dua wakil bagi acara perseorangan di Sukan Olimpik, sekiranya kedua-dua pemain tersebut berada dalam kelompok 16 terbaik Race to Paris.

Kelayakan Race to Paris yang bermula 1 Mei lepas berakhir pada hujung April depan.

Sukan Olimpik 2024 dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos depan. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

TANAMKAN SIFAT MENGHARGAI MASA, MEMBUDAYAKANNYA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN